

BAB KETIGA

Hak Wanita Dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan

3.1 Pendahuluan

Tidak ada kepastian yang tepat tentang sejarah penyebaran Islam di negeri Kelantan. Ada pendapat yang merumuskan perkembangan dakwah Islam di Kelantan bermula sejak pertengahan kedua, abad ke 11 Masehi apabila Kerajaan Islam Kelantan dipercayai didirikan dan mungkin merupakan kerajaan Islam terawal di Semenanjung Tanah Melayu. Pendapat ini disokong oleh sejarah Dinasti Sung (969-1279M) yang menyatakan Islam telah lahir di sepanjang pantai Laut China Selatan dalam tahun 977 Masehi.⁽¹⁾

Haji Nik Mahmood Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) telah menyebut:

Kemudian daripada telah jadi sebuah negeri Tanah Serendah Sekebun Bunga itu, maka oleh sebab habis kebesaran raja-raja yang memerintah pada masa itu, bahawa kembalilah negeri itu jadi hutan, maka dengan kerana yang demikian itu melancarlah di hujung lidah orang-orang luar dengan sebutan bahawa negeri Tanah Serendah Sekebun Bunga telah menjadi kelam hutan, maka dengan sebab berat atau panjang sebutannya ditukar akan mim dengan nun dan dibuangkan ha' dan wau, jadilah "Kelantan".

Maka yang menguatkan kami berpegang atas keadaan telah jadi sebuah negeri di dalam kurun yang ke sepuluh lebih kurang itu kerana adalah pada tahun hijrah 577 bersamaan 1181M telah bernama Kelantan iaitu kami dapati suatu perbelanjaan daripada emas yang dipanggil dinar, maka tertulis padanya dengan bahasa dan huruf Arab al-Julus Kelantan 577 dan di sebelah lagi al-Mutawakkil.⁽²⁾

Dr. Wan Husain Azmi telah membuat ulasan, katanya:

Perkataan al-Julus ertinya dari segi bahasa ialah “duduk” dan dari segi istilah “menduduki” singgahsana. Angka Arab 577H adalah bersamaan 1181M. Al-Mutawakkil itu gelaran pemerintah pada masa itu. Dari analisa yang ringkas itu ternyata al-Mutawakkil ertinya Islam pada tahun 577H bersamaan dengan 1181M dan rajanya bergelar al-Mutawakkil yang ertinya orang-orang yang bertawakkal, iaitu bertawakkal kepada Allah.⁽³⁾

Tidaklah dapat diketahui berapa lama pemerintahan al-Mutawakkil itu memerintah Kelantan. Tetapi pada masa Ibn Batutah singgah di Kelantan, di suatu kawasan yang diberi nama Kil Krai (Kuala Krai) pada tahun 1292M dalam pelayarannya dari India ke China, beliau telah menemui seorang raja perempuan bernama Urduja.⁽⁴⁾

Negeri Kelantan juga terkenal dengan gelaran ‘Serambi Mekah’, yang membayangkan negeri Kelantan sebagai sebahagian dari Mekah, ertinya Islam adalah kuat di negeri Kelantan, dan memang ini adalah tepat, kerana Kelantan telah beberapa kali menjalankan hukum mengikut al-Quran seperti di zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886 – 1889M) dan Sultan Mansur (1890 – 1900M) walaupun tidak semuanya undang-undang Islam itu dijalankan.⁽⁵⁾

Pada masa pemerintahan Sultan Mansur (1890 – 1900M) yang merupakan seorang pemerintah yang minat kepada Islam dan menghormati para ‘ulama’, beliau telah membuat suatu perubahan besar kepada pakaian rakyat Kelantan, supaya menutup aurat sesuai dengan ajaran al-Quran. Mohd. Husain Khalie Haji Awang menerangkan:

Sebagai seorang raja yang terkenal wara', berjiwa besar dan maju, Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Mansur tidak ingin melihat sebarang perbuatan yang bertentangan dengan hukum syara', baginda tidak senang melihat rakyat jelatanya memakai pakaian-pakaian yang tidak teratur dan membuka aurat, lalu baginda menitah kepada setiap orang lelaki memakai kain sarung dan baju telok belanga untuk mengganti pakaian yang lumrah pada zaman itu, iaitu sehelai kain lepas diikat bengkung dan sehelai tengkolok (kain setangan) serta diselit sebilah keris, dan setiap perempuan pula hendaklah memakai kain sarung, baju kurung dan sehelai kain tudung kepala untuk menggantikan pakaian perempuan yang lumrah itu ialah sehelai kain sarung berkembar (kain yang dibelit di bawah ketiak menutupi bahagian belakang dan dada seperti yang dipakai oleh perempuan-perempuan Bali).⁽⁶⁾

Kelantan pernah menjadi pusat pengajian Islam di Malaysia dan di Tenggara Asia umumnya. Dan pernah soalan-soalan agama datangnya dari Deli, Sumatera.⁽⁷⁾

Fakta yang ringkas ini jelas menunjukkan perkembangan dakwah Islam di Kelantan bermula sejak abad ke 12 atau mungkin di antara abad ke 10 hingga 15.

Semenjak dari masa itulah ajaran Islam merupakan asas pengamalan kepada mereka yang beragama Islam dalam setiap aspek kehidupan mereka termasuklah dalam urusan kekeluargaan. Undang-undang kekeluargaan Islam yang mencakupi urusan perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak dan sebagainya merupakan satu-satunya undang-undang yang dilaksana sepenuhnya baik sebelum dan selepas kedatangan British. Walau bagaimanapun pada peringkat awal pengamalan sepenuhnya bergantung kepada undang-undang yang tidak digubal secara rasmi yang masih termaktub dalam kitab-kitab fiqh.

Penggubalan undang-undang keluarga Islam di Kelantan secara rasmi hanya baru bermula pada awal kurun yang kedua puluh. Bagaimanapun pada peringkat awal peruntukan hanya terhad kepada beberapa prosedur sahaja, seperti setiap perkahwinan dan perceraian itu wajib didaftarkan. Selepas itu barulah undang-undang substantif kekeluargaan Islam itu turut digubal secara rasmi dan berperingkat-peringkat sehingga pada tahun 1983 lahirlah satu Undang-undang Keluarga Islam yang lebih lengkap di Kelantan. Undang-undang ini dikenali sebagai Undang-undang Keluarga Islam 1983. Ia dipakai sehingga tahun 2002.⁽⁸⁾

3.2. Sejarah Penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam Di Kelantan

3.2.1. Sejarah Penggubalan Awal

Penggubalan secara rasmi mengenai urusan kekeluargaan orang-orang Islam di Kelantan ini hanya mula dapat dikesan selepas Kerajaan Siam melantik W.A. Graham sebagai penasihat Kerajaan Kelantan. Perlantikan ini dibuat berdasarkan perjanjian Anglo-Siamese Treaty yang ditandatangani bersama antara Britain dan Siam pada tahun 1902.⁽⁹⁾

Semasa Graham menjadi penasihat inilah berbagai siri perundangan yang berkaitan dengan urusan pentadbiran kekeluargaan orang-orang Islam diperkenalkan, walaupun hanya mengandungi beberapa peruntukan bagi menyelesai masalah semasa sahaja.

“Peraturan perceraian 1325 (1907)” bertarikh 2 Rabiulawal 1325 merupakan undang-undang pentadbiran keluarga Islam terawal diluluskan secara rasmi di Kelantan. Kemudian diikuti dengan peraturan yang sama pada tahun 1909 yang dikenali dengan “Undang-undang orang-orang yang hendak bercerai laki-bini dan lain-lainnya, tahun 1327”. Undang-undang No. 6/1327(1909).⁽¹⁰⁾

Untuk mengemaskinikan lagi urusan perkahwinan dan perceraian di kalangan orang-orang Islam Kelantan, maka undang-undang yang ada telah dipinda pada tahun 1911 dan ia dikenali sebagai “An Enactment to provide for the Registration of Marriage and Divorce of Muhammadans”, No. 1/1911.⁽¹¹⁾

Undang-undang ini memperuntukkan bahawa setiap perkahwinan dan perceraian perlu didaftarkan. Dengan adanya peruntukan ini ia telah dapat mengelakkan kekeliruan dan keraguan dalam urusan perkahwinan dan perceraian seseorang.

Dalam urusan orang lelaki berkahwin lebih dari seorang, untuk mengelak penyalahgunaan berpoligami yang diharuskan oleh Islam, maka diperkenal pula satu undang-undang yang dikenali dengan “Notis Fasal Orang Islam Berkehendakkan Berbini Dua, Tiga atau Empat”. Ia dikuatkuasakan melalui notis No. 15 Tahun 1914.⁽¹²⁾

Undang-undang tersebut memperuntukkan bahawa sesiapa selain daripada kerabat diraja, yang ingin berkahwin lebih dari satu, mesti terlebih dahulu membuat akuan bertulis yang beliau akan berlaku adil kepada kesemua isteri-

isterinya dan sanggup menanggung nafkah mereka. Mereka yang tidak mematuhi akuan tersebut boleh dikenakan denda RM100.00 atau dua bulan penjara. Orang yang hadir dan imam yang menjalankan akad nikah tanpa akuan tersebut boleh didenda RM200.00 atau penjara tiga bulan.⁽¹³⁾

Peruntukan ini menampakkan bahawa undang-undang substantif kekeluargaan Islam yang termaktub dalam kitab-kitab fiqh itu mula dijadikan undang-undang secara rasmi oleh Majlis Mesyuarat Negeri. Adil dan mampu mengikut hukum syara' adalah sebagai pra-syarat bagi melayakkan seseorang itu berpoligami. Ini menepati dengan firman Allah yang bermaksud:

"Sekiranya kamu tidak mampu berlaku adil hendaklah berkahwin seorang sahaja".⁽¹⁴⁾

Tujuan peruntukan ini adalah baik, iaitu mewajibkan setiap suami yang berpoligami berlaku adil dan memberi nafkah yang secukupnya kepada para isteri-isterinya, dan ini dapat mengelak penganiayaan terhadap kaum perempuan. Bagaimanapun undang-undang tersebut tidak pernah dikuatkuasakan, mungkin kerana halangan-halangan tertentu.⁽¹⁵⁾

Suatu ketika dahulu Kelantan menjadi tumpuan orang-orang Islam dari India mencari rezeki. Ada dari kalangan mereka yang berkahwin dengan wanita tempatan. Untuk melindungi wanita ini dari dianiyai atau ditinggal begitu sahaja tanpa diberikan nafkah atau sebagainya, maka diperkenalkan pula satu undang-undang yang disebut sebagai "The Regulation of Marriage Between

Kelantanese and Indians". Undang-undang ini dikuatkuasakan pada tahun 1919.⁽¹⁶⁾

Kelantan juga terkenal sejak dari dahulu lagi dengan kaum wanitanya yang suka melakukan kerja-kerja sendiri seperti bermiaga, bertani dan lain-lain pekerjaan. Mereka bekerja seiringan dengan suami untuk menambah pendapatan keluarga. Dalam bidang perniagaan misalnya, sebahagian besar pasar-pasar di Kelantan dimonopoli oleh kaum wanita. Dari usaha mereka itu mereka memperolehi pendapatan. Pendapatan ini kadang-kadang dikongsi bersama dengan pendapatan suami. Keadaan ini tidaklah menimbulkan banyak masalah kecuali sekiranya berlaku perceraian antara mereka. Untuk berlaku adil kepada semua pihak yang berkaitan dengan harta yang diperolehi semasa perkahwinan, maka diperkenalkan satu undang-undang mengenai harta sepencarian. Undang-undang ini dikenali sebagai "Muhammadan Division of Property Between Husband and Wife". Ia dikuatkuasakan melalui perisytiharan No. 33 tahun 1919.⁽¹⁷⁾

Peruntukan ini memberikan kuasa kepada Mahkamah Syari'ah membahagi harta sepencarian yang diperolehi bersama semasa perkahwinan apabila berlakunya perceraian. Sungguh pun begitu pembahagian harta sepencarian ini tidak terhad kepada isteri-isteri yang bekerja sahaja, malah isteri yang tidak bekerja pun berhak mendapat bahagian dari harta yang diperolehi semasa perkahwinan. Ini kerana khidmat isteri terhadap suami merupakan sumbangan tenaga tidak secara langsung untuk membolehkan suami mendapat harta.

Seterusnya bagi mempertingkatkan lagi pentadbiran kekeluargaan orang-orang Islam, maka telah digubal satu Undang-undang Keluarga Islam yang lebih lengkap pada tahun 1938. Undang-undang ini dikenali sebagai "The Moslem Marriage and Divorce Enactment, 1938", Enakmen No. 22/1938. Dalam tahun ini juga digubal beberapa undang-undang lain tetapi tidak banyak melibatkan urusan kekeluargaan. Undang-undang itu ialah, "Undang-undang Jenayah Islam, No. 21/1938" dan juga "Undang-undang Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu No. 23/1938".

Bermula dari tahun 1938 inilah istilah "Moslem" mula digunakan bagi menggantikan istilah "Muhammadan" yang selalu digunakan pada undang-undang yang terdahulu, samada undang-undang keluarga dan lainnya. Istilah baru ini adalah lebih tepat kerana perkataan "Muhammadan" secara tidak langsung memberi gambaran yang kurang tepat terhadap agama Islam yang seolah-olah memberi erti agama Islam sebagai agama ciptaan Nabi Muhammad s.a.w.

Undang-undang kekeluargaan Islam No. 22/1938 ini mempunyai sebanyak empat bahagian dengan tiga puluh peruntukan. Bahagian Pertama: **Permulaan**, Kedua: **Mengenai perkahwinan**, Ketiga: **Mengenai perceraian** dan Keempat: **'Am.**

Dalam undang-undang ini, selain dari peruntukan-peruntukan yang melibatkan urusan pendaftaran perkahwinan dan perceraian, maka

diperuntukkan sama peruntukan-peruntukan yang melibatkan undang-undang substantif kekeluargaan Islam itu sendiri.

Pada bahagian pertama, diperjelaskan bidangkuasa dan pengertian beberapa istilah yang berkaitan dengan undang-undang tersebut.

Pada bahagian kedua, mengenai perlaksanaan aqad perkahwinan. Antaranya, sesuatu aqad nikah tidak boleh dilakukan oleh sesiapa tanpa tauliah.⁽¹⁸⁾ Setiap perkahwinan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat persetujuan pengantin dan wali kecuali keengganannya wali tanpa sebab yang munasabah, bolehlah dikahwinkan oleh wali hakim.⁽¹⁹⁾ Setiap perkahwinan mesti didaftarkan dalam masa tujuh hari. Mereka yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan denda tidak lebih dari RM25.00 atau penjara tidak lebih dari satu bulan.⁽²⁰⁾ Dalam bahagian ini juga diperuntukkan mengenai perkahwinan orang Kelantan dengan orang luar.⁽²¹⁾ Juga diperuntukkan perkara yang berkaitan dengan ruju'.⁽²²⁾ Lain-lain peruntukan ialah mengenai kesalahan memutus ikatan pertunangan,⁽²³⁾ suami isteri yang bercerai tiga kali tidak boleh lagi berkahwin dengan suami yang asal, kecuali isteri telah berkahwin dengan orang lain dan diceraikan.⁽²⁴⁾

Pada bahagian ketiga enakmen ini diperuntukkan setiap perceraian mesti dilapurkan dalam masa tujuh hari bagi perceraian hidup dan empat puluh hari bagi perceraian mati. Juga mengenai permohonan cerai ta'liq, pembayaran muta'ah, perlantikan hakim, mengenai perceraian fasakh dan tebus talaq.⁽²⁵⁾

Dalam bahagian akhir ia memperuntukkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pendaftar dan kadi dalam menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan urusan perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam.

Melalui undang-undang No. 22/1938, jelas menunjukkan hukum-hukum substantif kekeluargaan Islam telah diperuntukkan dengan lebih banyak ke dalam undang-undang tersebut. Seperti seseorang perempuan tidak boleh berkahwin tanpa persetujuan wali, kecuali tanpa sebab yang munasabah ia boleh dikahwinkan dengan Wali Raja.

Dengan terlaksananya undang-undang tersebut maka undang-undang yang berkuatkuasa sebelumnya termansukh. Ia adalah meliputi undang-undang, No. 1/1911 serta pindaannya tahun 1926, undang-undang No. 21/1917 serta pindaannya yang dibuat dalam tahun yang sama dan notis No. 27/1919.

3.2.2. Undang-undang Keluarga Sebagai Satu Bahagian Daripada Beberapa Bahagian Undang-undang Yang Digubal.

Enakmen perkahwinan dan perceraian No. 22/1938 yang digubal secara berasingan dari undang-undang Islam yang lain itu dipakai sebegini lama sehingga tergubalnya undang-undang baru pada tahun 1953. Apabila tergubalnya “Undang-undang Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu dan Mahkamah Kadi” No. 1/1953, maka undang-undang tersebut bersama undang-undang lain telah dimansukhkan.

Bagi undang-undang No. 22/1938 hanya memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan kekeluargaan sahaja, tetapi undang-undang tahun 1953 ini ia mencakupi berbagai peruntukan. Ini termasuklah peruntukan mengenai pentadbiran agama Islam dan mengenai undang-undang jenayah setakat mana yang diizinkan oleh Inggeris.

Enakmen 1953 ini mengandungi sebanyak sepuluh bahagian dengan 206 peruntukan. Mengenai undang-undang keluarga diperuntukkan dalam bahagian keenam dan ketujuh dengan 25 seksyen. Bahagian keenam mengenai perkahwinan dan perceraian dengan 18 seksyen iaitu dari seksyen 135 hingga seksyen 157, dan bahagian ketujuh mengenai nafkah dengan 7 seksyen, iaitu dari seksyen 158 hingga seksyen 164.

Lain-lain perkara mengenai urusan pentadbiran agama diperuntukkan dalam bahagian-bahagian berikut. Mengenai pentadbiran Majlis diperuntukkan dalam bahagian kedua, Mahkamah Syari'ah dalam bahagian ketiga, kewangan dalam bahagian keempat, urusan masjid dalam bahagian kelima, saudara baru dalam bahagian kelapan, kesalahan-kesalahan dalam bahagian kesembilan dan 'am dalam bahagian kesepuluh.

Dari peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam undang-undang 1953 itu ternyata, peruntukan mengenai kekeluargaan Islam dalam kedua-dua bahagian itu hanya diberi peruntukan yang sempit, masih banyak lagi aspek-aspek hukum substantif kekeluargaan Islam yang tidak diperuntukkan secara rasmi melalui undang-undang.

Seterusnya pada tahun 1966, satu lagi bentuk undang-undang dimasyhurkan dikenali dengan "Undang-undang Mahkamah Syari'ah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Tahun 1966". Dengan ini peruntukan-peruntukan mengenai undang-undang kekeluargaan yang termaktub dalam undang-undang 1953 itu dimansuhkan.

Undang-undang 1966 ini mengandungi sebanyak tujuh bahagian dengan 107 seksyen. Perkara mengenai undang-undang keluarga diperuntukkan dalam bahagian tiga dan empat yang kedua-duanya merangkumi sebanyak 32 seksyen. Bahagian tiga mengenai perkahwinan dan perceraian yang mengandungi sebanyak 24 seksyen, iaitu bermula dari seksyen 58 hingga seksyen 81, manakala bahagian keempat mengenai nafkah orang-orang tanggungan mengandungi sebanyak 8 seksyen, iaitu bermula dari seksyen 82 hingga seksyen 88.

Dari peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam undang-undang 1966 itu ternyata, peruntukan mengenai urusan kekeluargaan orang Islam lebih banyak diperuntukkan jika dibandingkan dengan peruntukan mengenainya dalam undang-undang 1953. Walau bagaimanapun untuk membantu para hakim-hakim di Mahkamah Syari'ah khususnya ketika berdepan dengan kes-kes pengabaian, penderaan dan perbalahan suami isteri yang kadang-kadang melibatkan anak-anak, maka peruntukan substantif perlu diperbanyakkan lagi.

3.3. Pengenalan Tentang Enakmen Keluarga Islam Kelantan Dan Peruntukan Yang Diperuntukan Berhubung Dengan Hak-Hak Wanita

3.3.1. Pengenalan Umum

Berhadapan dengan berbagai masalah sosial dalam institusi kekeluargaan umat Islam yang berlaku di negeri Kelantan khususnya seperti suami meninggalkan isteri tanpa memberikan nafkah, berlakunya perebutan hak penjagaan anak antara pasangan yang bercerai dan berbagai penyelewengan lagi, juga untuk mengawal kehidupan keluarga agar berjalan secara teratur menurut lunas-lunas Islam di samping mengemaskinikan undang-undang keluarga Islam di Kelantan bagi menjamin kelincinan dan keberkesanan perlaksanaan peruntukan yang terdapat di dalamnya dan memberikan perlindungan kepada wanita dari penganiayaan dan menjamin hak anak-anak sebelum dan selepas perceraian⁽²⁶⁾ dan untuk mensemperagamkan peruntukan undang-undang keluarga Islam di antara negeri-negeri di Malaysia, yang mana jika keadaan ini berlanjutan, ia akan merumitkan di segi pentadbiran. Di atas faktor-faktor itulah maka telah dibuat satu penggubalan undang-undang yang lebih lengkap dan kemas di peringkat kebangsaan. Tengku Malik dari pejabat Peguam Negara memain peranan penting dalam penggubalan tersebut.⁽²⁷⁾

Bagi menjamin terlaksananya matlamat tersebut, konsep kemudaratan dihilangkan atau ‘al-darar yuzal’ diaplikasikan. Ia bukan sahaja memberikan perlindungan kepada suami, isteri dan anak-anak, sebaliknya juga memberikan perlindungan kepada mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan seperti ibu, bapa dan saudara-mara.

Draf asal undang-undang ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi mengkaji draf tersebut, maka Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri dari wakil kerajaan negeri, Jabatan Agama Islam termasuk Timbalan Mufti, Kadi Besar dan dua orang pensyarah dari Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya.⁽²⁸⁾ Berdasarkan kepada draf asal dengan beberapa pindaan akhirnya draf itu telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri yang kemudiannya ia dikenali sebagai “Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, 1983”, iaitu Enakmen No. 1 Tahun 1983.

Dengan terlaksananya enakmen ini bererti termansukhlah segala peruntukan kekeluargaan yang terdapat dalam undang-undang tahun 1966. Enakmen ini telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1984.⁽²⁹⁾

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan tahun 1983 ini mengandungi sebanyak lapan bahagian dengan 129 peruntukan. Bahagian Pertama Permulaan dengan lima seksyen, iaitu dari seksyen 1 hingga seksyen 5. Ia mengandungi, pengertian tajuk, pentafsiran istilah-istilah tertentu yang terdapat dalam undang-undang tersebut, bidang kuasa Mahkamah Sivil dan pemakaian undang-undang ini. Bahagian Kedua, mengenai pentadbiran yang hanya mengandungi seksyen 6 sahaja. Antara lain mengenai perlantikan pendaftar perkahwinan, perceraian dan ruju’. Bahagian Ketiga, mengenai pertunangan, bagaimana sesuatu perkahwinan itu boleh dilakukan dan acara pendaftaran perkahwinan. Bahagian ini mengandungi sebanyak 24 seksyen, iaitu dari seksyen 7 hingga seksyen 30. Bahagian Keempat, mengenai perceraian dan mengandungi sebanyak 16

seksyen, iaitu dari seksyen 31 hingga seksyen 46. Antara lain ia memperuntukkan mengenai bagaimana sesuatu perceraian itu boleh berlaku, samada dengan lafaz talaq, ta'liq, fasakh, khul' dan sebagainya, kesalahan perceraian di luar mahkamah, mut'ah, hak terhadap maskahwin dan pembahagian harta sepencarian. Bahagian Kelima mengenai nafkah isteri, anak dan lain-lain yang merangkumi sebanyak 23 seksyen, iaitu dari seksyen 47 hingga seksyen 69. Bahagian Keenam mengenai hadanah atau penjagaan anak yang merangkumi 25 seksyen iaitu dari seksyen 70 hingga seksyen 94. Bahagian Ketujuh mengenai kesalahan-kesalahan iaitu kesalahan perlanggaran terhadap seksyen-seksyen dalam undang-undang tersebut. Ia mengandungi sebanyak 18 seksyen, iaitu dari seksyen 95 hingga seksyen 112. Dan bahagian Kelapan mengenai perkara 'am yang mengandungi 17 seksyen iaitu dari seksyen 113 hingga seksyen 129. Ia menyentuh berbagai perkara yang tidak diperuntukkan dalam bahagian-bahagian di atas.

Undang-undang 1983 ini boleh dikatakan telah memperuntukkan sebahagian besar dari undang-undang substantif kekeluargaan Islam yang termaktub dalam kitab-kitab fiqh. Sebahagian besar dari peruntukan di dalam enakmen ini adalah berdasarkan Madhhab Syafi'i dengan mengambil kira juga madhhab-madhhab lain apabila terdapat nas-nas atau dalil-dalil yang lebih kuat.⁽³⁰⁾ Ini bertepatan dengan tujuan syari'at Islam untuk memberikan kemudahan dan kemanfa'atan serta menolak kemudaratatan dan kesusahan bagi mewujudkan undang-undang yang tidak terlalu rigid dan sesuai dengan situasi masyarakat hari ini.

Berhubung dengan hak dan perlindungan wanita, enakmen ini telah memperuntukkan beberapa peruntukan bermula dari hak dan perlindungan dalam urusan perkahwinan hingga kepada selepas berlakunya perceraian.

Dalam urusan perkahwinan diperuntukkan hak untuk mendapat gantirugi akibat dari pembatalan perkahwinan.⁽³¹⁾ Juga diperuntukkan hak memohon dan kebenaran berkahwin,⁽³²⁾ hak terhadap maskahwin,⁽³³⁾ hak untuk diminta persetujuan sebelum perkahwinan dilangsungkan,⁽³⁴⁾ hak untuk mendapat wali,⁽³⁵⁾ dan penetapan umur yang layak untuk berkahwin.⁽³⁶⁾

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983 juga memperuntukkan hak dan perlindungan sebagai seorang isteri. Seorang isteri berhak mendapat nafkah dari suaminya.⁽³⁷⁾ Juga diperuntukkan hak dan perlindungan dalam hal-hal perceraian samada melalui talaq,⁽³⁸⁾ tebus talaq,⁽³⁹⁾ cerai ta'liq⁽⁴⁰⁾ dan fasakh.⁽⁴¹⁾ Setelah berlaku perceraian, bekas isteri berhak mendapat nafkah iddah,⁽⁴²⁾ muta'ah,⁽⁴³⁾ maskahwin yang tertunggak,⁽⁴⁴⁾ harta sepencarian,⁽⁴⁵⁾ tunggakan nafkah,⁽⁴⁶⁾ tempat tinggal,⁽⁴⁷⁾ nafkah anak⁽⁴⁸⁾ dan hadanah.⁽⁴⁹⁾

Selain dari peruntukan-peruntukan ini, terdapat juga peruntukan dalam bentuk hukuman, iaitu hukuman ke atas suami yang sengaja cuai menjalankan kewajipan.⁽⁵⁰⁾ Juga hukuman ke atas suami yang sengaja tidak mematuhi perintah mahkamah supaya membayar nafkah isteri atau anak-anaknya.⁽⁵¹⁾ Hukuman juga dikenakan ke atas suami yang sengaja cuai mematuhi perintah mahkamah supaya hidup bersama semula dengan isterinya,⁽⁵²⁾ suami yang tidak memberi keadilan kepada isteri-isterinya,⁽⁵³⁾ suami yang menganiayai isteri⁽⁵⁴⁾

dan suami yang melesapkan harta isteri.⁽⁵⁵⁾ Enakmen juga memperuntukkan hukuman ke atas suami yang melafazkan ruju' tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan isteri.⁽⁵⁶⁾

Satu peruntukan yang melindungi wanita untuk mendapatkan haknya telah diperuntukkan di dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983. Dengan peruntukan ini seseorang isteri lebih terjamin lagi untuk mendapatkan haknya semasa perbicaraan perceraian dijalankan.⁽⁵⁷⁾

Semua tuntutan-tuntutan yang hendak dibuat terhadap hak yang telah diperuntukkan di dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 hendaklah diajukan ke Mahkamah Syari'ah. Mahkamah Syari'ah yang diwujudkan adalah untuk menjaga kedamaian hidup umat Islam dan kemaslahatan mereka di samping mewujudkan keadilan di kalangan masyarakat Islam. Kewujudannya juga bertujuan untuk menjaga taraf dan kepentingan individu terutama dari segi hukum Islam yang berhabit dengan soal-soal perkahwinan, perceraian, nafkah anak, nafkah isteri, harta sepencarian dan lain-lain lagi.

Menyentuh dengan perlaksanaannya setakat ini, keberkesanannya dapat dibuktikan melalui kenyataan yang diberikan oleh Ketua Hakim Syar'i Kelantan, Dato' Daud Muhammad, menurutnya: Kadar perceraian paling tinggi di negeri ini iaitu sekitar 50 peratus sebelum tahun 1984. Apabila Enakmen Keluarga Islam pindaan tahun 1984 dikuatkuasakan kadar ini telah turun. Kadar perceraian semakin turun khususnya sejak tahun 1991 sehingga tahun 1995 iaitu sebanyak 13.07 peratus.⁽⁵⁸⁾

Pengurangan kadar perceraian umat Islam itu adalah hasil kesedaran keluarga Islam mengenai peraturan yang terkandung dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan.⁽⁵⁹⁾ Keadaan ini juga berlaku bersesuaian dengan dasar Kerajaan Kelantan berteraskan Islam menyedarkan rakyat tentang tanggung jawab mereka terhadap keluarga secara Islam.⁽⁶⁰⁾

Menurutnya lagi, Enakmen Keluarga Islam ini juga berjaya membendung penganiayaan terhadap isteri serta anak-anak dari suami yang beristeri lebih dari satu. Dengan enakmen yang ada sekarang masalah berkenaan dapat diselesaikan dengan baik, jadi tidak perlu lagi digubal enakmen lain.⁽⁶¹⁾

3.3.1.1. Beberapa Perbandingan Dengan Undang-undang Keluarga Negeri Lain

Boleh dikatakan sebahagian besar peruntukan yang terdapat dalam undang-undang 1983 ini mempunyai peruntukan yang sama dengan undang-undang keluarga di negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun terdapat beberapa peruntukan yang tidak sama. Sebagai contoh di bawah ini disenaraikan beberapa peruntukan yang berbeza.

1. Kesalahan memutus ikatan pertunangan

Kelantan memperuntukkan sekiranya berlaku pemutusan pertunangan, kedua-dua belah pihak mesti memulang balik segala bentuk pemberian

pertunangan, tanpa melihat pihak mana yang memutuskan pertunangan tersebut. Sekiranya barang pemberian telah rosak atau telah digunakan maka hendaklah diganti dengan nilai harga.⁽⁶²⁾

Bagi negeri-negeri lain, pihak yang memutuskan pertunangan sahaja yang wajib mengembalikan pemberian tersebut.⁽⁶³⁾

Perbezaan ini timbul kerana peruntukan yang terdapat di Kelantan itu berdasarkan pendapat Syafi'i, manakala lain-lain negeri berdasarkan Madhhab Maliki.

Madhhab Syafi'i⁽⁶⁴⁾ berpendapat pihak yang memberi hadiah berhak menuntut balik hadiah-hadiah yang diberikan. Jika sekiranya pihak yang satu lagi telah menggunakan atau rosak ia berhak mendapat ganti rugi. Ini adalah kerana pertukaran hadiah antara kedua belah pihak semasa bertunang adalah sebagai persiapan kepada majlis perkahwinan. Sedangkan apa yang berlaku kemudiannya adalah pembatalan perkahwinan akibat terputusnya pertunangan. Oleh sebab itulah hadiah-hadiah tersebut hendaklah dipulangkan semula.

Berdasarkan pendapat madhhab Syafi'i jika kedua-dua pihak telah bertukar-tukar hadiah semasa bertunang kemudian pertunangan mereka terputus, maka kedua-duanya hendaklah memulangkan semula hadiah masing-masing. Jika telah rosak atau digunakan hendaklah diganti.

Madhab Maliki⁽⁶⁵⁾ pula melihat kepada pihak mana yang menyebabkan pertunangan itu terputus, atau pihak mana yang memutuskan pertunangan. Jika sekiranya pihak yang memberi hadiah yang memutuskan pertunangan, maka ia tidak berhak mendapat balik hadiah-hadiah yang diberikannya itu, sebab pihaknya yang telah membatalkan pertunangan itu. Sekiranya si pemberi hadiah bukannya yang memutuskan pertunangan, maka ia berhak mendapat balik hadiah yang telah diberikannya kepada pihak yang satu lagi itu. Sekiranya pemberian itu telah rosak atau digunakan ia berhak mendapat gantirugi.

Berdasarkan pendapat madhab ini tanggungjawab memulangkan hadiah dan membayar gantirugi adalah terletak kepada pihak yang ingin memutuskan pertunangan manakala pihak yang ingin meneruskan pertunangan tidak dikehendaki memulangkan hadiah-hadiah dan membayar ganti rugi berikut dengan pembatalan pertunangan mereka.

2. Poligami

Kelantan memperuntukkan seseorang tidak boleh berpoligami melainkan setelah mendapat keizinan bertulis dari kadi terlebih dahulu. Orang yang melanggar peruntukan itu boleh didenda tidak lebih dari tiga ratus ringgit atau penjara tidak lebih dari satu bulan atau kedua-duanya sekali.⁽⁶⁶⁾

Bagi negeri-negeri lain selain dari Terengganu memperuntukkan satu peruntukan yang begitu terperinci. Dalam permohonan kepada mahkamah mereka mesti memperjelaskan, kenapakah ia perlu berpoligami, apakah kerana

isteri uzur tidak mampu melayani suami, diizin atau tidak oleh isteri, mampu menanggung nafkah, mampu memberi layanan sama rata kepada isteri, perkahwinan yang dicadangkan itu tidak menyebabkan darar syar'i kepada isteri dan perkahwinan itu tidak akan merendahkan martabat isteri yang sedia ada. Mereka yang berkahwin tanpa kebenaran terlebih dahulu, perkahwinan tersebut tidak boleh didaftarkan.⁽⁶⁷⁾

Dari kenyataan tersebut ternyata Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan lebih longgar berbanding dengan Enakmen bagi negeri lain yang begitu ketat. Perbezaan ini mungkin timbul dari ijтиhad yang berbeza.

Penulis berpendapat hukuman denda dan boleh didaftarkan bagi mereka yang melanggar peruntukan tersebut yang didapati sah mengikut hukum syara' adalah merupakan satu peruntukan yang baik dan sesuai. Kalau tidak dapat didaftarkan maka ia akan menimbulkan berbagai implikasi sedangkan perkahwinan mereka sah menurut syara'.

3. Perkahwinan Tanpa Persetujuan Wali.

Dalam Enakmen Kelantan diperuntukkan kadi boleh memberi persetujuan kepada pengantin perempuan sebagai wali raja, jika walinya enggan tanpa sebab yang munasabah.⁽⁶⁸⁾ Lain-lain negeri selain dari Kedah, Perak dan Melaka tidak memperuntukkan wali mujbir bagi anak dara yang mempunyai wali nasab dalam undang-undang keluarga mereka. Ia hanya memperuntukkan hakim syari'i boleh mengahwinkan sebagai wali raja jika pengantin perempuan itu tidak mempunyai wali nasab. Ini bererti sekiranya pengantin mempunyai wali nasab,

hakim tidak mempunyai kuasa untuk mengahwinkan walau keengganan itu tanpa sebab yang munasabah.⁽⁶⁹⁾

Itulah di antara beberapa peruntukan yang berbeza dengan enakmen negeri-negeri lain.

3.3.2 Peruntukan Berhubung Hak Wanita

3.3.2.1 Pertunangan

3.3.2.1.1 Hak Wanita Dalam Undang-undang Pertunangan

Seorang perempuan diberikan hak untuk melihat bakal tunangnya terlebih dahulu, sebagaimana hak lelaki melihat perempuan yang hendak dipinangnya. Hak ini diberikan agar kedua mereka dapat mengenali antara satu sama lain yang boleh menimbulkan rasa berkenan di hati masing-masing.

Walau bagaimanapun hak ini tidak diperuntukkan di dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

Perkara yang dinyatakan dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 berhubung pertunangan ialah berkaitan hak untuk menuntut ganti rugi akibat dari pemungkiran pertunangan. Peruntukan ini menyatakan:⁽⁷⁰⁾

"Jika seseorang telah mengikat sesuatu perjanjian pertunangan mengikut hukum syara', samada secara lisan atau bertulis, dan samada secara bersendirian atau melalui seseorang perantaraan dan kemudianya berlaku kemungkiran, maka kedua-dua pihak hendaklah memulangkan hadiah masing-masing jika ada atau sebanyak harga baginya samada kemungkiran itu dari pihak lelaki atau perempuan dan pihak yang mungkir itu hendaklah dikenakan membayar mengikut perjanjian dan perkara ini boleh dituntut melalui tindakan dalam Mahkamah".

Dari peruntukan ini, perempuan yang terbatal perkahwinannya disebabkan keengganan pihak lelaki untuk meneruskannya berhak menuntut segala yang

dijanjikan seperti mahr. Juga berhak menuntut ganti rugi perbelanjaan untuk persediaan perkahwinan.

3.3.2.2 Perkahwinan

3.3.2.2.1 Kuasa Menikahkan

3.3.2.2.1.1 Peruntukan Undang-Undang Bagi Wali dan Wanita

Berhubung peruntukan undang-undang bagi wali dan hak wanita ketika aqad nikah Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 memperuntukkan⁽⁷¹⁾

"Sesuatu perkahwinan adalah tidak sah dan tidak boleh didaftarkan di bawah peruntukan undang-undang enakmen ini melainkan kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu telah bersetuju terhadapnya".

Begitu juga di Kedah,⁽⁷²⁾ Wilayah Persekutuan⁽⁷³⁾ dan Terengganu⁽⁷⁴⁾, telah merangka peruntukan yang serupa.

Peruntukan-peruntukan ini bermakna bahawa wali mujbir tidak boleh mengahwinkan anak atau cucunya tanpa persetujuan orang berkenaan, tetapi perkahwinan juga tidak diitiraf dan tidak boleh didaftarkan tanpa persetujuan dari pihak perempuan atau hakim syar'i.

Keadaan ini memberi erti bahawa anak perempuan dan walinya sama-sama memperolehi hak.

Dalam keadaan sekarang ini, persetujuan untuk dikahwinkan dari pihak perempuan oleh wali perlulah diambil kira untuk mengelakkan berlaku penganiayaan dan timbul rasa tidak senang dalam kehidupan rumah tangga. Sebagai usaha untuk mencegah berlaku perkara yang tidak diingini sudah sepatutnya ke semua akta dan enakmen negeri-negeri membuat peruntukan yang seumpama ini.

Seorang anak perempuan juga berhak mendapatkan wali hakim dalam keadaan wali enggan mengahwinkannya tanpa sebab yang munasabah.

Peruntukan ini ada diperuntukkan dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan yang menyebutkan⁽⁷⁵⁾

Kadi yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana pengantin perempuan itu bermastautin atau seseorang yang diberi kuasa secara 'am, atau khas oleh kadi itu telah, selepas penyiasatan wajar di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuannya terhadap perkahwinan itu sebagai wali raja mengikut hukum syara'. Persetujuan tersebut boleh diberi jika wali tidak boleh dikesan, atau jika wali telah enggan memberikan persetujuannya dengan tiada sebab yang munasabah.

Perkara ini diperuntukkan oleh kebanyakan Enakmen Keluarga Islam bagi negeri-negeri kecuali bagi Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Johor⁽⁷⁶⁾ di mana mereka mesti dikahwinkan melalui wali nasab. Wali hakim bagi ketiga-tiga negeri ini hanya berbidang kuasa mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali nasab sahaja.

Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan pada asalnya sama dengan peruntukan bagi ketiga-tiga negeri di atas, iaitu perempuan tidak boleh berkahwin tanpa persetujuan wali nasab. Tetapi kedua-dua negeri ini telah meminda peruntukan mereka. Dengan pindaan itu, perempuan boleh berkahwin melalui wali hakim sekiranya walinya enggan tanpa sebab. Selangor melalui pindaan tahun 1988 dan Wilayah Persekutuan melalui pindaan 1994⁽⁷⁷⁾

Sebagai contoh dalam kes *Azizah bt. Mat lawan Mat bin Salleh*. Mahkamah Kadi Perlis telah memerintahkan Azizah dikahwinkan melalui wali raja.⁽⁷⁸⁾ Kebenaran ini diberi memandangkan responden enggan mewalikan anaknya itu tanpa sebab yang munasabah dari segi syara'. Kalau tidak dibolehkan perempuan berkahwin melalui wali hakim kerana keengganan wali, maka akan menimbulkan penganiayaan terhadap perempuan dan memungkinkan melahirkan kesan-kesan yang tidak sihat. Atas asas ini syara' membolehkan mereka

berkahwin melalui wali hakim sekiranya keengganan wali tanpa sebab yang munasabah.

Melalui peruntukan yang membolehkan berkahwin melalui wali hakim sebagaimana yang terdapat dalam kebanyakan Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, maka tidak ada sebab bagi gadis-gadis berkahwin lari di luar negara kerana keengganan wali.

Perkahwinan lari di luar negara kadangkala akan menimbulkan keraguan dari segi keesahannya dari sudut hukum syara'. Di samping itu menimbulkan kerumitan untuk mendaftar semula perkahwinan yang berlaku.

Sebagai kesimpulan dari perbincangan di atas, di Malaysia seseorang perempuan tidak boleh berkahwin tanpa persetujuan wali, baik oleh wali nasab ataupun wali hakim.

3.3.2.2.1.2 Penetapan Umur Layak Berkahwin.

Menyentuh tentang penetapan umur yang layak untuk berkahwin bagi seorang anak perempuan, undang-undang keluarga negeri-negeri di Malaysia menetapkan umur minimum seseorang perempuan itu berkahwin ialah 16 tahun. Dalam Enakmen 1983 memperuntukkan:⁽⁷⁹⁾

"Tiada sesuatu perkahwinan boleh diaqad nikahkan atau didaftarkan di bawah enakmen ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali kadi telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam keadaan yang tertentu".

Peruntukan ini telah menetapkan umur yang layak untuk berkahwin bagi seseorang anak perempuan ialah 16 tahun.

Penetapan umur dijadikan sebagai satu peraturan bagi satu-satu perkahwinan adalah untuk kepentingan anak perempuan itu sendiri. Ia bertujuan supaya anak perempuan berkenaan lebih matang ketika berkahwin dan bersedia untuk menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri.

Jika ingin berkahwin sebelum mencapai umur mengikut umur yang ditetapkan, kebenaran mahkamah diperlukan.

Dari penjelasan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa seseorang anak perempuan ketika dirinya sudah berkelayakan mengurus hal-hal mu'amalat dengan sebab umurnya sudah baligh dan fikirannya sudah matang dengan had umur minimanya 16 tahun mengikut yang telah ditentukan oleh undang-undang keluarga negeri di Malaysia adalah orang yang berhak bagi menentukan masa depannya, dengan siapa yang disukainya untuk dijadikan teman hidup dalam rumah tangganya. Hak ini adalah bersesuaian dengan tanggungjawab dan natijah yang akan diperolehnya di dunia dan akhirat. Sesiapa pun tidak mempunyai hak untuk memaksanya memilih orang yang tertentu, hidup adalah hidupnya. Ia sendiri yang akan disoal sesudah itu tentang apa sahaja yang berkaitan dengan tanggungjawab dan pengurusannya.

Seorang anak perempuan yang diberikan kesemua haknya khususnya yang mendapat pendidikan dan pelajaran yang sewajarnya dan patuh kepada batas-batas syara', sejak ia dilahirkan sehingga ia menjadi seorang yang berkelayakan (dalam urusan yang berkaitan dengan dirinya dan mu'amalat), tidak akan menempatkan dirinya di suatu tempat yang boleh memalukan ibu bapa dan juga keluarganya, kerana segala tindak tanduknya adalah berdasarkan kepada asas yang betul. Ia seumpama sebatang pokok yang dijaga dengan baik sejak ia ditanam lagi. Ia akan membesar tanpa sebarang kecacatan dan akan mengeluarkan bauh yang manis tanpa mengandungi rasa pahit, malahan rasanya cukup enak, segar dan menyenangkan.

Begitulah seorang anak perempuan yang solehah, dengan sopannya yang tinggi dan sifat malunya yang tebal, akan mewakilkan kepada ibu bapanya bagi

melangsungkan aqad perkahwinannya dan juga perlaksanaanya selama mana teman hidupnya itu adalah pilihannya sendiri.

Dalam keadaan wali nasab tidak dapat dikesan atau enggan mengahwinkannya tanpa sebab yang munasabah, seorang anak perempuan berhak mendapatkan wali hakim untuk memberikan persetujuan terhadap perkahwinannya. Begitulah peruntukan yang dinyatakan dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 dan lain-lain.

3.3.2.3.1 Mahr

3.3.2.3.1.1 Peruntukan Undang-undang Bagi Mahr

Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 mendefinisikan sebagai bayaran yang wajib dengan aqad nikah atau dengan lain-lain sebab mengikut hukum syara' samada yang berupa wang tunai atau matabenda.⁽⁸⁰⁾

Pengertian di atas menjelaskan bahawa mahr itu merupakan satu pemberian yang wajib diberi oleh suami kepada isteri dengan sebab perkahwinan samada berupa wang ringgit atau benda-benda yang bernilai dari segi syara'.⁽⁸¹⁾

Mengenai had minimum atau maksimum bagi sesuatu pembayaran mahr, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 tidak memperuntukkan seksyen-seksyen yang khas berhubung dengan perkara tersebut, ia terpulang kepada persetujuan kedua belah pihak samada mengikut mahr al-mithl atau mahr al-musamma, yang pentingnya sesuatu mahr itu hendaklah ada nilainya sekalipun kecil. Mengikut amalan di Kelantan, pembayaran mahr dibuat dengan wang tunai. Tujuannya ialah untuk memudahkan kedua-dua pihak, lelaki dan perempuan.

Fenomena yang berlaku sekarang ini dikatakan ada dari kalangan pihak perempuan yang menetapkan kadar maskahwin yang tinggi.⁽⁸²⁾

Meruji' kepada apa yang berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia sekarang, sebenarnya masalah maskahwin yang tinggi itu bagi sebahagian negeri

tidak timbul kerana kebiasaannya ia sudah pun ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri itu. Kebanyakannya meletakkan satu kadar (nilai) yang seragam. Biasanya ia bergantung kepada status sosial atau kedudukan wanita atau kedudukan bapa kepada pengantin perempuan itu. Misalnya di Selangor ditetapkan maskahwin bagi puteri Sultan RM2,500.00, bagi puteri Raja Muda RM2,000.00, puteri kerabat yang bergelar RM1,000.00, puteri anak raja (waris) RM550.00, puteri anak raja lain RM300.00, anak perempuan orang besar bergelar RM300.00, cucu orang besar RM200.00, dan perempuan biasa RM80.00. Di Perak kadar maskahwin juga berbeza mengikut status atau kedudukan bapa pengantin perempuan. RM50.00 bagi anak commoner dan RM1,000.00 bagi anak-anak raja (sultan). Di dalam daerah Naning dan Alor Gajah di Melaka yang menganut Adat Pepatih maskahwinnya RM60.00 kepada perempuan yang belum berkahwin dan RM40.00 bagi perempuan yang telah berkahwin.⁽⁸³⁾

Tetapi bagi negeri yang tidak menetapkan kadar maskahwin seperti negeri Kelantan, maka keadaan ini kadang-kadang boleh menimbulkan beban kepada pihak lelaki. Untuk tidak menimbulkan bebanan yang berat, maka Menteri Besar Kelantan Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat pernah menyarankan ibu bapa supaya tidak meletakkan mahr yang tinggi bagi anak gadis mereka.⁽⁸⁴⁾

Kadar mahr mengalami kenaikan demi kenaikan dari semasa ke semasa seolah-olah kenaikannya bersaing dengan kenaikan harga barang dan taraf hidup. Malah ada di kalangan ibu bapa yang tidak mahu bertolak ansur untuk meringankan maskahwin yang diputuskan.

Di antara faktor yang mempengaruhi kenaikan kadar mahr ialah:

1. **Kecantikan.** Oleh kerana wali merasakan anak gadisnya seorang yang rupawan ia berfikir amat wajar jumlah maskahwin dimahalkan.
2. **Status anak dara.** Sesetengah ibu bapa mengambil sikap meletakkan mahr yang tinggi kerana mengambil kira status anak mereka yang berjawatan dan berpendidikan tinggi.

3. **Persaingan antara ibu bapa.** Ibu bapa meletakkan kadar yang tinggi maskahwin anak mereka bagi tujuan menandingi maskahwin jiran sebelah atau mana-mana orang yang mereka kenali, dan
4. **Mengelakkan prasangka.** Ada di kalangan ibu bapa yang tidak tergamak meletakkan maskahwin yang ringan bagi mengelak tuduhan anak mereka sudah ‘rosak’ atau terlalu murah dan pelbagai tuduhan lagi

Sepatutnya wali atau bapa tidak perlu malu atau bimbang dengan tuduhan yang tidak benar itu. Adalah tidak patut wali atau bapa seolah-olah memaksa pihak lelaki menyediakan mahr yang tinggi kecuali pihak lelaki sendiri menawarkan untuk memberikannya kerana kemampuannya berbuat demikian.

Selain dari peruntukan mahr, terdapat satu lagi peruntukan yang saling berkait rapat dari segi pembayarannya iaitu pemberian. Pemberian ini pada asasnya merupakan satu amalan atau adat masyarakat Melayu dan tidak terdapat perbincangannya dalam buku-buku Fiqh.

Dalam Enakmen 1983, ada peruntukan mengenai ‘pemberian’ diperuntukkan,⁽⁸⁵⁾ ianya bermaksud pemberian berupa wang tunai atau mata benda yang diberi oleh suami kepada isteri pada masa perkahwinan. Mata benda tersebut adalah merupakan hadiah yang diberikan pengantin perempuan manakala wang tunai diserahkan kepada keluarga perempuan untuk tujuan pengurusan perkahwinan. Bagaimanapun dari segi amalannya pihak perempuan ada juga menyediakan hadiah-hadiah tersebut sebagai pemberian balasan kepada pihak lelaki.

Ini bermakna dalam Enakmen 1983, pemberian dan maskahwin adalah dua perkara yang berbeza. Ini dapat dilihat melalui definisi mahr dan pemberian di mana yang pertama merupakan satu pembayaran yang wajib manakala yang kedua ialah satu pembayaran sukarela antara kedua-dua pihak lelaki dan perempuan. Walau bagaimanapun mahr dan pemberian kedua-duanya diberi perhatian yang sama dalam Enakmen 1983. Ini dapat dilihat dalam Enakmen 1983 seksyen 12(2) yang memperuntukkan:

"Pendaftar hendaklah, mengenai tiap-tiap perkahwinan yang hendak didaftarkan olehnya, menentu dan merekodkan; (a) jumlah maskahwin, (b) jumlah pemberian, (c) jumlah apa-apa bahagian maskahwin yang telah dijanjikan tetapi tidak dijelaskan pada masa aqad nikah itu, dan (d) butir-butir cagaran yang diberi bagi menjelaskan maskahwin".

Ini bermakna peruntukan mengenai pemberian dalam Enakmen 1983 sebagai peruntukan tambahan kepada mahr dan ternyata sekali Enakmen 1983 ini terkehadapan dalam membela kaum wanita apabila memperuntukkan amalan masyarakat Melayu ke dalam Enakmen 1983.

Satu keadaan yang berlaku dalam masyarakat Melayu yang lebih mementingkan kepada menjaga status dari hukum agama berhubung dengan pemberian ini ialah mengenai hantaran yang diminta kepada pihak lelaki menyediakan seperti wang tunai, pakaian, makanan dan seumpamanya samada pada masa bertunang atau pada hari perkahwinan. Masyarakat Islam tidak sepatutnya meninggikan hantaran belanja ini hingga kadangkala mencecah RM10,000.00 umpamanya.

Pada pendapat penulis, hal ini tidaklah begitu tepat dengan ajaran Islam dan saranan Rasulullah s.a.w kerana ia boleh membebangkan urusan perkahwinan. Apatah lagi, hantaran yang berupa persalinan, bahan makanan yang kadang-kadang sampai berpuluhan-puluhan bekas, misalnya pulut kuning sampai tiga empat bekas, kek dan kuih sahaja tiga empat bekas dan seumpamanya, yang ada kalanya ada daripada makanan itu rosak begitu sahaja tanpa disentuh sesiapa. Keadaan seperti ini adalah satu pembaziran yang ditegah.

Justeru itu, eloklah masyarakat Islam berhati-hati dalam perkara ini. Kalau inginkan rumah tangga yang bahagia dan mendapat keberkatan, janganlah terlalu meninggikan mahr dan hantaran belanja perkahwinan. Begitulah dengan persalinan dan bahan makanan itu, biarlah ia setakat yang berpatutan sahaja.

3.3.2.3.1.2 Hak Isteri ke atas Mahr

Berhubung dengan hak isteri terhadap mahr, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 memperuntukkan⁽⁸⁶⁾

- (i) *Maskahwin boleh dibayar oleh suami atau wakilnya kepada isteri atau wakilnya di hadapan orang yang mengaqad nikahkan perkahwinan dan sekurang-kurangnya dua orang saksi lain.*
- (ii) *Pendaftar hendaklah, mengenai tiap-tiap perkahwinan yang hendak didaftarkan olehnya, menentu dan merekodkan:*
 - (a) *Jumlah maskahwin*
 - (b) *Jumlah pemberian*
 - (c) *Jumlah apa-apa bahagian maskahwin yang telah dijanjikan tetapi tidak dijelaskan pada masa aqad itu; dan*
 - (d) *Butir-butir cagaran yang diberi bagi menjelaskan maskahwin.*

Dari peruntukan di atas, isteri bukan sahaja berhak kepada maskahwin tetapi juga pemberian. Maskahwin dan pemberian itu boleh dibayar secara tunai atau berhutang. Semasa aqad perkahwinan dijalankan, pendaftar akan mencatat nilai maskahwin dan pemberian yang telah dijelaskan; belum dijelaskan dan anggaran yang diberikan bagi menjelaskan maskahwin dan pemberian yang telah dijanjikan. Ini menunjukkan dalam apa keadaannya pun seorang wanita Islam akan tetap berhak menerima mahrnya.

Kebiasaan mahr di Kelantan dibayar secara tunai. Ini berlaku kerana tradisi masyarakat Melayu yang menganggap bayaran tangguh itu sebagai satu perkara yang memalukan.

3.3.2.2.3 Nafkah

3.3.2.2.3.1. Peruntukan Undang-Undang Bagi Nafkah

Nafkah menurut Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 ialah perbelanjaan yang wajib mengikut hukum syara' bagi isteri, anak perempuan dalam 'iddah dan orang yang uzur. ⁽⁸⁷⁾

Hak nafkah seseorang diperuntukkan secara terperinci dan menyeluruh dalam bahagian V Enakmen 1983.

Enakmen 1983 walau bagaimanapun tidak memperuntukkan sebarang ketentuan kadar nafkah. Peruntukannya ada menyebutkan : ⁽⁸⁸⁾

"Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, mahkamah hendaklah mengesahkan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu dengan mengikut hukum syara'."

Sebagai contoh ialah perhatian perlu tentang makan minum tiap-tiap hari mengikut adat kebiasaan berumahtangga, pakaian yang munasabah, perhiasan, pembantu rumah (jika isteri tersebut memang biasa mempunyai pembantu rumah sebelum ia berkahwin), rumah atau tempat tinggal yang sewajarnya dan juga peralatan serta perabot rumah yang perlu dan patut.

Selanjutnya jika suami dan isteri dari golongan kaya maka kadar nafkah mestilah mengikut keadaan orang yang kaya. Jika keduanya dari golongan yang miskin, kadar nafkah mestilah mengikut keadaan orang yang miskin. Sekiranya

suami miskin tetapi isterinya kaya maka kadar nafkah hendaklah sederhana iaitu di antara kaya dan miskin⁽⁸⁹⁾

Jelas di sini bahawa penentuan kadar nafkah adalah berdasarkan budi bicara Mahkamah yang akan mengikut pandangan syara' bagi kadar yang mencukupi perbelanjaan asasi isteri berkenaan.

3.3.2.2.3.2 Hak Isteri Ke atas Nafkah

Seperti yang dijelaskan pada bab kedua bahawa suami wajib memberi nafkah kepada isterinya sepanjang ikatan perkahwinan berlangsung kecuali jika isteri telah menderhakai suaminya atau kerana sebab halangan yang lain.

Berhubung perkara ini, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983 memperuntukkan.⁽⁹⁰⁾

"Tertakluk kepada hukum syara' dan pengesahan Mahkamah seorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila ia nusyuz. Dengan syarat bahawa selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah suaminya maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz."

Penjelasan mengenai nusyuz tidak disebut dalam Enakmen 1983. Ianya boleh dilihat dalam Akta Undang-Undang Keluarga Wilayah Persekutuan 1984⁽⁹¹⁾ yang memperuntukkan tiga keadaan di mana seseorang isteri akan dianggap nusyuz, iaitu;

1. Apabila dia menjauhkan diri daripada suaminya.
2. Apabila dia meninggalkan rumah yang disediakan suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya.
3. Apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke suatu rumah atau tempat tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut hukum syara'

Suatu hal yang menarik dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983 ialah mengi'tiraf nafkah yang telah tidak dibayar sebagai tunggakan dan hutang yang boleh dituntut oleh isteri atau wakilnya.

Kalau suami mati sebelum hutang nafkah itu dibayar ianya hendaklah diambil dari harta pusakanya dan kalau isteri mati sebelum menerima nafkahnya wakilnya boleh menuntut. ⁽⁹²⁾

Peruntukan ini bererti mengakui bahawa nafkah adalah hak isteri.

Isteri mempunyai hak untuk membuat tuntutan di Mahkamah Syariah jika suami gagal membayar nafkah berkenaan. ⁽⁹³⁾

"Tertakluk kepada hukum syara' Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya."

- a. *dalam tempoh perkahwinan mereka masih berterusan.*

- b. *dalam tempoh pembicaraan hal ehwal suami isteri dijalankan:*

Sekiranya suami berkenaan mengingkari perintah tersebut, dia akan dikenakan penalti. Peruntukannya menyatakan : ⁽⁹⁴⁾

"Jika suatu perintah nafkah telah dibuat oleh sesuatu Mahkamah dan seseorang yang diperintahkan itu dengan sengaja gagal mematuhi perintah itu, maka Mahkamah bolehlah mengenakannya hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan bagi tiap-tiap bulan nafkah yang masih belum dibayar."

Bukan setakat itu sahaja isteri boleh memohon perintah Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan mereka melalui fasakh, sekiranya pihak suami gagal atau enggan membayar nafkah. Peruntukannya menyatakan : ⁽⁹⁵⁾

"Seseorang perempuan yang berkahwin menurut hukum syara' adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu:

Atas apa-apa alasan lain yang diitiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan-perkahwinan atau bagi fasakh mengikut hukum syara'."

Dalam kes *Mashitah lawan Hussain* ⁽⁹⁶⁾ yang mana suami didapati gagal untuk menyediakan nafkah bagi tempoh beberapa tahun. Mahkamah mendapati isteri berhak untuk membubarkan perkahwinannya melalui fasakh. Bagaimanapun Mahkamah akan menolak sebarang tuntutan isteri jika Mahkamah berpuashati isteri tersebut dalam keadaan nusyuz.

3.3.2.2.3.3. Tempoh Nafkah

Mengikut Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983, berapa lama seseorang suami itu berkewajipan memberi nafkah isterinya tertakluk kepada samada tempoh tersebut ada dinyatakan di dalam perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah ataupun tidak. Sekiranya tidak ada sebarang tempoh yang disebut, maka pemberian nafkah tersebut akan tamat dengan kematian orang yang kena membayar nafkah tersebut dan apabila mati orang yang berhak menerima nafkah iaitu menurut mana yang lebih awal. ⁽⁹⁷⁾

Jika sekiranya suami enggan memberi nafkah kepada isteri sedangkan ia mampu berbuat demikian, maka isteri bolehlah mengemukakan tuntutannya di Mahkamah. Setelah Mahkamah berpuas hati dengan keterangan pihak isteri Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi satu bulan bagi tiap-tiap bulan nafkah yang belum dibayar. Sebagaimana yang diperuntukkan : ⁽⁹⁸⁾

"Jika suatu perintah nafkah telah dibuat oleh sesuatu Mahkamah oleh seseorang yang diperintahkan itu dengan sengaja gagal mematuhi perintah itu, maka Mahkamah bolehlah mengenakan hukuman penjara selama mana tempoh tidak lebih daripada satu bulan bagi tiap-tiap bulan nafkah yang belum dibayar."

Pada pendapat penulis, dengan peruntukan hukuman tersebut akan menjadikan suami tidak mengambil jalan mudah dengan melanggar perintah

Mahkamah dan seterusnya ia dapat melindungi isteri dari ditinggalkan suami tanpa nafkah yang sepatutnya dan ia ternyata memberi lebih pertimbangan dan pembelaan kepada pihak isteri.

Pihak Mahkamah juga boleh mengambil tindakan memerintahkan suami tersebut supaya memberi cagaran bagi kesemua atau mana-mana bahagian jumlah nafkah itu dengan meletakkan hak apa-apa harta kepada pemegang amanah dengan amanah, untuk tujuan membayar nafkah itu atau hanya dari sebahagian daripada pendapatan harta tersebut.⁽⁹⁹⁾

3.3.2.2.4. Layanan Dan Pergaulan

3.3.2.2.4.1 Peruntukan Undang-Undang Dan Hak Isteri Dalam Layanan Dan Pergaulan.

Seorang suami yang baik akan sentiasa melayani dan bergaul baik dengan isterinya dan sebagai isteri yang telah melaksanakan tanggungjawabnya maka isteri berhak diperlakukan sedemikian. Tetapi sekiranya suami telah bertindak sebaliknya, mengkasari dan menganiayai isteri dalam keadaan isteri tidak pun menunjukkan sifat derhaka kepadanya, maka Undang-Undang Islam tidak akan membiarkan perlakuan sedemikian berlaku tanpa sebarang tindakan.

Berhubung dengan hak ini, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983, telah memperuntukkan :⁽¹⁰⁰⁾

"Jika seseorang suami telah tidak lagi bermu'asyarah dengan isterinya mengikut cara yang dikehendaki oleh hukum syara' dan telah diperintahkan oleh Mahkamah supaya berbuat demikian dan dia sengaja gagal atau cuai untuk mematuhi perintah itu, maka dia telah bersalah atas suatu kesalahan yang boleh, apabila dithabitkan, dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada 300 ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan ataupun kedua-duanya sekali."

Begitulah hak yang diperuntukkan kepada isteri agar suami bergaul dengan cara yang baik. Hak ini dapat melindungi isteri dari kezaliman suami yang tidak bertanggungjawab.

Termasuk tidak bergaul dengan baik ialah menganiayai isteri. Berhubung dengannya Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983 memperuntukkan:⁽¹⁰¹⁾

"Seseorang suami yang dengan sengaja menganiayai isterinya adalah bersalah atas sesuatu kesalahan yang boleh, apabila dithabitkan, dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan ataupun kedua-duanya."

Hukuman yang sama juga diperuntukkan apabila suami dengan sengaja mengambil, mengguna ataupun melesapkan harta isterinya tanpa kebenaran.⁽¹⁰²⁾

Peruntukan yang serupa juga terdapat dalam Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985⁽¹⁰³⁾ dan Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan.⁽¹⁰⁴⁾

Perkataan aniaya di sini, termasuklah segala kezaliman yang dilakukan oleh suami terhadap isteri seperti memukul, mencederakan atau apa-apa perbuatan lain yang memudaratkan isterinya. Ia disebut juga keganasan keluarga terhadap isteri atau keganasan rumah tangga.

Keganasan keluarga terhadap isteri merupakan satu tingkah laku yang boleh disamakan dengan tingkah laku jenayah di mana mangsa dianiayai secara fizikal dan emosi, jika diperpanjangkan tanpa adanya noktah di persimpangan jalan, boleh menyumbang kepada kerosakan emosi yang teruk di samping kesan-kesan penderaan fizikal ke atas tubuh mangsa yang menjadi mercu tanda-tanda kemegahan dan kebanggaan kaum lelaki.

Keinginan pendera untuk menunjukkan kuasanya serta kemampuannya untuk mengawal dapat dilaksanakan dalam berbagai perlakuan. Perlakuan-perlakuan yang disenaraikan di bawah adalah merupakan amaran-amaran yang boleh membantu isteri dalam mengenal pasti samada isteri itu sedang menghadapi suatu perhubungan yang bersifat keganasan keluarga.

Menggunakan Ancaman Emosi

Penganiaya akan menghina mangsa dengan penghinaan yang boleh mencederakan emosi seperti memaki, menyumpah, menuduh dan seumpamanya. Di samping itu penganiaya akan membuat mangsa merasa dirinya seperti orang gila. Selain dari itu, mangsa didesak untuk membuat sesuatu keputusan secara

kelam kabut dan cara menakutkan, mengancam dan mengugut untuk tidak memberi wang dan lain-lain. Si penganiaya juga akan menjatuhkan maruah isteri di hadapan orang ramai tentang hal-hal buruk isteri, keluarga dan sesiapa yang mempunyai kaitan dengan mangsa.

Menggunakan Hak Keistimewaan Lelaki

Penganiaya akan menggunakan kuasanya sebagai lelaki untuk menghamba abdikan mangsa. Segala keputusan-keputusan di dalam keluarga dibuat oleh si penganiaya sahaja. Isteri tidak mempunyai suara dalam membuat sebarang keputusan. Penganiayaan bersifat seperti Master of the Castle.

Menggunakan Ancaman Ekonomi

Mencegah isteri daripada mendapat kerja atau bekerja. Si penganiaya mengambil kesemua wang yang ada pada mangsa dan tidak memberitahu tentang kedudukan kewangan dalam keluarga.

Menggunakan Paksaan Dan Ugutan

Menggunakan ugutan untuk melakukan sesuatu kecederaan terhadap mangsa. Mengugut untuk meninggalkannya, membunuh diri, melaporkan tentang mangsa kepada pihak kebijakan dan memaksa isteri membuat perkara-perkara yang haram dari segi agama dan undang-undang.

Menggunakan Intimidasi

Membuat isteri takut dengan menggunakan air muka, isyarat atau perbuatan-perbuatan seperti memecahkan barang-barang kaca di hadapan mangsa.

Menggunakan Pemencilan

Mengawal segala gerak-geri dan perbuatan mangsa, dengan siapa dia berjumpa dan bercakap, apa yang dibacanya seperti majalah, surat khabar, ke mana dia pergi dan meminima kegiatan luar mangsa.

Dua kisah yang dipaparkan di bawah ini menjelaskan dua cara dari banyak cara penganiayaan yang dilakukan oleh suami terhadap isteri:

Kisah Pertama

Sofiah yang merupakan anak tunggal dari sebuah keluarga miskin yang telah kematian dua orang tuanya telah berkahwin dengan sepupunya Mahadi (bukan nama sebenar). Mereka tinggal di Hulu Tembeling, di daerah Jerantut, Pahang. Walau bagaimanapun perkahwinan ini rupa-rupanya hanya mengundang kecelakaan dalam hidup Sofiah.

Setelah setahun berkahwin, Sofiah ditinggalkan. Sudah sembilan tahun lebih sehingga kisah ini diceritakan,⁽¹⁰⁵⁾ Sofiah digantung tidak bertali. Betapa

sukar hidup Sofiah dalam keadaan begini. Jika masih bergelar isteri di manakah suami? Kalau janda, di manakah surat cerainya?

Tidak ada segaris parut deraan berbekas di tubuhnya tetapi mental tentulah lebih sakit jika seseorang isteri diperlakukan seperti itu. Apakah dosa dan kesalahan yang dilakukannya.

Semasa meninggalkan Sofiah, Mahadi sempat meninggalkan pesan dengan kata-kata yang cukup membayangkan betapa dayusnya dia:

“Kalau nak makan pandai-pandailah kau mencarinya”.

Sofiah terkejut sehingga tidak mampu berkata sepatah pun. Di sudut hati Sofiah masih menaruh harapan, suami yang disayangi tidak mungkin bertindak begitu kejam sekali. Dia tetap menanti penuh setia walau apa sekalipun yang bakal terjadi kerana baginya inilah bukti isteri sejati. Namun tanpa disedarinya penantian itu sudah terlalu lama untuk dipertahankan, tanpa menampakkan sebarang hasil yang meyakinkan, sia-sia.

Tanpa suami yang bertanggungjawab terhadap nafkah lahir, Sofiah terpaksa menyerah diri kepada alam semulajadi sebagai punca rezeki.

Sekalipun ditinggalkan di ceruk pendalaman di Hulu Tembeling, tetapi bukan penghalang untuk Sofiah mempunyai pemikiran yang terbuka sehingga beliau tidak keluar menuntut hak-haknya.

Beliau pernah pergi menemui kadi daerah, tetapi hasilnya adalah menghampakan. Beliau diminta bersabar dan memberi jaminan untuk mencari dan meminta kerjasama suami supaya bertanggungjawab terhadapnya. Dan akhir-akhir ini, beliau dijelaskan mengenai tuntutan fasakh.

Sofiah merupakan wanita gigih menahan sabar atas kerentah suami yang tidak berperikemanusiaan, digantung tidak bertali dalam jangka masa yang bukan pendek, apakah sebenarnya yang menjadi persoalan?

Benarkah Sofiah menjadi mangsa akibat kejahilan sendiri atau kerentah birokrasi?'. Walau bagaimanapun Sofiah merasakan penderitaannya tidaklah lebih teruk dari mereka yang ditinggalkan suami bertahun-tahun lamanya dengan anak-anak yang turut menderita, di kampungnya dan lain-lain kampung berhampiran ditinggalkan oleh suami-suami yang mengejar pendapatan lebih di bandar-bandar besar dan tanah teroka rancangan kerajaan.

Apabila senang, mereka kemudiannya berkahwin lain dan melupakan asal usul dan anak isteri yang ditinggalkan.

Apabila sesekali pulang ke Hulu Tembeling, sekadar melepaskan tanggungjawab yang sementara sifatnya dan berjanji akan pulang lagi.

Janji seperti inilah yang membuatkan para isteri terus setia menanti dan perkataan cerai tidak sekali-kali dibenarkan melintas dalam fikiran.

Inilah dilema Sofiah dan lain-lain wanita yang senasib dengannya di Hulu Tembeling itu.

Kisah Kedua

Rokiah (bukan nama sebenar) seorang guru berijazah telah berkahwin dengan Ali (bukan nama sebenar) juga seorang yang mempunyai ijazah. Rokiah mengimpikan kebahagiaan dan keharmonian dari perkahwinan ini, tetapi ternyata mengecewakannya. Ali lebih mementingkan dirinya sendiri. Ketika keluar bersamanya, Rokiah tidak boleh berjalan berdua-duaan dengannya. Beliau hanya berjalan sendirian. Ali juga tidak memberikan wang perbelanjaan rumah. Rokiah juga pernah dipukul sehingga lebam-lebam dengan tangan, batang penyapu, dihantuk kepala ke lantai dan dinding dan pernah diterajang sehingga terkencing. Ali terus memukulnya sekali pun beliau merayu dan menangis. Selama tiga tahun berkahwin, suaminya hanya berkunjung ke rumah ibu bapa Rokiah pada tahun pertama perkahwinan sahaja. Tahun-tahun seterusnya dia tidak pergi lagi walaupun ibu bapa Rokiah melayannya dengan baik. Ketika ibu Rokiah sakit, Ali

tidak pernah bertanya khabar apatah lagi menjenguknya sehingga ibunya meninggal dunia pun tidak dilawatinya.

Perkahwinannya hanya bertahan selama tiga tahun, Ali telah menceraikannya. Sehingga kini Ali belum lagi memberi nafkah kepada anaknya sebagaimana menurut perintah Mahkamah.⁽¹⁰⁶⁾

Antara dua kisah di atas dilihat bahawa penderaan yang dilakukan oleh suami tidak sama bentuknya. Pada kisah pertama, suami tidak sedikit pun menganiayai batang tubuh isteri, penderitaan yang ditanggung oleh isteri adalah dari sudut mental dan emosi, digantung tidak bertali. Pada kisah kedua, isteri disakiti fizikalnya dan jiwanya. Penanggungan masing-masing adalah berat. Betapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Kes-kes berkenaan penganiayaan ke atas isteri sudah pun berlaku sejak dahulu hingga sekarang ini. Walau bagaimanapun kejadian ini telah meningkat dari hari ke hari dan kini sudah banyak menjadi kes polis. Hakikat ini amatlah menyedihkan kerana ia tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang suami ke atas isterinya. Sebagai seorang suami, tanggungjawab menjaga keharmonian hidup serta hubungan mesra dengan ahli keluarga haruslah dipelihara. Jika isteri melakukan kesilapan, suami hendaklah menegurnya dengan cara yang baik, bukan melalui cara sepak terajang dan maki hamun dan sebagainya.

Hari ini, kejadian isteri dianiayai serta dizalimi oleh suami mereka semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kajian pernah menunjukkan bahawa dalam setiap 5 orang lelaki, seorang akan menyepak isteri mereka dan lebih 13 peratus kes-kes pembunuhan adalah di antara suami dan isteri. Amnya kajian menunjukkan wanita adalah 2 ke 6 kali lebih kerap melaporkan tentang penyiksaan berbanding dengan laporan yang diberikan oleh lelaki.⁽¹⁰⁷⁾

Pada tahun 1991 terdapat 262 kes yang melibatkan keganasan rumah tangga. Pada tahun 1992, 212 kes. Pada tahun 1993, 243 kes dan pada tahun 1994, 268 kes.⁽¹⁰⁸⁾ Dilihat dari sudut pembahagian kumpulan etnik yang terlibat dengan kes sebegini, maka bangsa Melayu menduduki tangga yang teratas diikuti dengan bangsa Cina, India dan lain-lain.⁽¹⁰⁹⁾

Menurut Unit Siasatan Khas iaitu Unit Seksual Bukit Aman, jumlah kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2001 pula adalah 3,107 dan yang dituduh membabitkan 328 orang. Tahun 2002, terdapat 2,755 kes dan yang dituduh adalah 205 orang. Tahun 2003 (Jan hingga Jun) pula, jumlah kesnya adalah 2,555 dan yang dituduh adalah 80 orang.⁽¹¹⁰⁾ Memandangkan kes ini banyak melibatkan kaum wanita, maka Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah diluluskan oleh Parlimen pada 24 Jun, 1994 dan diwartakan pada 7 Julai, 1994 yang bertujuan melindungi mangsa keganasan rumah tangga seperti penganiayaan dan penderaan di kalangan suami isteri dan ahli keluarga yang tinggal serumah. AKRT 1994 bukanlah bertujuan untuk memisahkan suami isteri atau keluarga tetapi sekadar

menahan dan mengenakan hukuman ke atas mereka yang membuat penganiayaan.⁽¹¹¹⁾

Bagi mangsa penganiayaan yang beragama Islam, mereka boleh bertindak dengan menggunakan peruntukan yang ada dalam Undang-undang Keluarga Islam. Mengikut Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, seseorang isteri boleh memohon untuk membubarkan perkahwinannya dengan 2 cara.

Pertama, seseorang isteri berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinannya melalui fasakh. Di antara faktor-faktor yang membolehkan isteri berbuat demikian ialah atas alasan yang berikut, iaitu:

"Atas apa-apa alasan lain yang diitiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh menurut hukum syara' .⁽¹¹²⁾

Peruntukan ini adalah umum, mencakupi apa saja perkara yang sah bagi membubarkan perkahwinan seperti dianiyai fizikal dan mental.

Penulis melihat peruntukan dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 adalah lebih terperinci, yang mana memperuntukkan,di antara faktor-faktor yang membolehkan seseorang isteri berbuat demikian ialah apabila suaminya menganiayainya,⁽¹¹³⁾ iaitu:

- (i) *lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan anjaya, atau*
- (ii) *berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syara', atau*
- (iii) *mencuba memaksa isteri hidup secara lucah, atau*

- (iv) melupuskan harta isteri atau mlarang isteri itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu, atau
- (v) menghalang isteri dari menunaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya, atau
- (vi) jika ia mempunyai isteri lebih daripada seorang, ia tidak melayani isteri berkenaan secara adil mengikut kehendak hukum syara'.

Penulis berpendapat ketiadaan alasan penganiayaan suami terhadap isteri diperuntukkan dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 adalah merupakan satu kekurangan bagi peruntukan fasakh. Oleh kerana peruntukan tersebut sangat perlu (sebagai menggantikan salah satu syarat ta'liq iaitu syarat yang memberi faedah kepada pihak wanita seperti suami tidak boleh memukul pihak isteri) maka peruntukan fasakh di Negeri Kelantan perlu diperbaiki.

Dalam satu kes *Hairun Bt. Mohd Shariff lawan Omar bin Mohd Noor*,⁽¹¹⁴⁾ pihak Mahkamah Rendah Syariah mendapati bahawa defenden telah menyerang plaintif yang mengakibatkan kecederaan parah. Meskipun begitu, oleh kerana serangan itu tidak kerap dan mengikut Undang-Undang Islam, suami harus memukul isteri dengan niat nasihat, Mahkamah telah menolak permohonan plaintif memohon pembubaran perkahwinan melalui fasakh. Bagaimana pun, dalam rayuan plaintif di Mahkamah Rayuan Syariah pihak Mahkamah mendapati perbuatan menyerang isteri walau pun tidak kerap sudah cukup membuktikan terdapat penganiayaan terhadap isteri. Justeru itu, Mahkamah Rayuan Syariah membenarkan permohonan plaintif untuk membubarkan perkahwinannya melalui fasakh.

Kedua, seseorang isteri yang dianiyai boleh juga memohon pembubaran perkahwinan melalui cerai ta'liq.⁽¹¹⁵⁾ Seksyen 37 (1) memperuntukkan:

"Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat ta'liq yang dibuat apabila berkahwin, memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku".

Apabila menerima permohonan dari pihak isteri untuk membubarkan suatu perkahwinan melalui cerai ta'liq, Mahkamah hendaklah menyiasat terhadap dakwaan yang dikemukakan oleh pihak isteri adalah benar dan mengikut Hukum Syara' maka pihak Mahkamah akan membubarkan perkahwinan itu walau pun tanpa kehadiran pihak suami.⁽¹¹⁶⁾ Permohonan perceraian dapat dilihat dalam kes *Dah lawan Abdullah*⁽¹¹⁷⁾ di mana pihak isteri telah mengadu kepada Mahkamah bahawa suaminya telah menyerangnya. Perbuatan suaminya itu telah menyebabkan tangannya luka dan beliau terpaksa mendapatkan rawatan di hospital. Di samping itu juga pihak isteri telah membuat laporan polis terhadap kejadian tersebut. Pihak defenden menafikan dakwaan isteri tetapi gagal menjawab apabila disoal balas oleh pihak plaintiff. Akhirnya Mahkamah membenarkan permohonan plaintiff dengan talaq satu. Dalam kes lain *Hasnah lawan Saad*,⁽¹¹⁸⁾ pihak isteri telah memohon cerai ta'liq atas alasan suaminya telah mencederakan mukanya. Pihak plaintiff juga telah mengemukakan surat rawatan yang menyokong dakwaan beliau. Tetapi pihak defenden menafikan dakwaan isteri. Mengikut defenden, luka yang terdapat di muka sehingga ke sebelah telinga kanannya merupakan perbuatannya sendiri. Walau bagaimanapun,

setelah Mahkamah berpuas hati bahawa dakwaan pihak isteri adalah benar, Mahkamah memihak kepada pihak plaintif dan membenarkan permohonan isteri untuk bercerai melalui ta'liq.

Dalam memberi perlindungan kepada isteri yang beragama Islam Seksyen 114 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 sebagai contohnya memperuntukkan bahawa Mahkamah adalah berkuasa dalam masa perbicaraan hal ehwal suami isteri yang masih belum selesai atau pada selepas membuat sesuatu perintah perceraian, fasakh atau pembatalan, memerintahkan seseorang menahan dirinya dari mengganggu atau menceroboh dengan apa-apa cara pun ke atas suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isteri. Kemungkiran mematuhi sesuatu perintah yang dibuat di atas seksyen ini boleh dikenakan sebagai suatu penghinaan terhadap Mahkamah.⁽¹¹⁹⁾

Sesungguhnya wanita Islam adalah beruntung kerana undang-undang Keluarga yang ada di setiap negeri memberi perlindungan dari penganiayaan. Sebagai contohnya dalam Seksyen 107 Enakmen 1983 memperuntukkan bahawa:

"Seseorang suami yang dengan sengaja tidak memberi keadilan sewajarnya, kepada isterinya mengikut hukum syara' adalah bersalah atas suatu kesalahan yang boleh, apabila dithabitkan, dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada empat bulan atau kedua-duanya sekali".⁽¹²⁰⁾

Ini disusuli dengan peruntukan tambahan dalam seksyen 108 yang menyebut:

“ Seseorang suami yang dengan sengaja menganiayai isterinya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila dithabitkan, dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali”.⁽¹²¹⁾

Seterusnya dalam Seksyen 109 pula menyebut:

“Seseorang suami yang dengan sengaja mengambil, mengena atau melepaskan harta isterinya tanpa kebenaran isterinya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila dithabitkan, dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.”⁽¹²²⁾

Melihat kepada peruntukan dalam Seksyen 107, 108 dan 109 Enakmen 1983, ia memberi remedi kepada isteri yang dianiayai. Suami yang menganiayai isterinya boleh dihukum penalti sehingga maksimum denda seribu ringgit atau penjara sehingga enam bulan. Peruntukan seperti ini tidak terdapat dalam Undang-Undang Keluarga orang-orang yang bukan beragama Islam seperti Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1967. Oleh itu dapat dikatakan bahawa wanita Islam lebih beruntung berbanding wanita bukan Islam dalam menghadapi penganiyaaan suami.⁽¹²³⁾

3.3.2.2.5. Perkahwinan Janda Dan Balu

3.3.2.2.5.1. Peruntukan Undang-Undang bagi Perkahwinan Wanita Selepas Bercerai

Seseorang wanita yang telah bercerai samada bercerai mati atau hidup yang disebut janda atau balu maka peruntukan-peruntukan yang tertentu telah dibuat bagi perkahwinan mereka. Janda dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 dita'rifkan sebagai seorang perempuan yang telah berkahwin dan diceraikan⁽¹²⁴⁾ iaitu bukan anak dara⁽¹²⁵⁾ atau isteri orang. Balu pula bererti perempuan yang kematian suami.⁽¹²⁶⁾

Di Kelantan, Wilayah Persekutuan, Kedah dan Terengganu diperuntukkan tiada seorang perempuan dalam masa perkahwinannya dengan seorang lelaki berterusan, berkahwin dengan seorang lelaki lain. Jika perempuan itu seorang janda:

- (a) *Ia tidak boleh berkahwin dengan mana-mana lelaki pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh 'iddahnya yang dikira mengikut hukum syara' melainkan, tertakluk kepada perenggan (d) seksyen kecil ini, dengan suaminya yang akhir ia telah bercerai.*
- (b) *Ia tidak boleh berkahwin melainkan ia telah terlebih dahulu mengemukakan:*
 - (i) *Surat perakuan cerai yang sah dikeluarkan di bawah undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa, atau*
 - (ii) *Suatu salinan yang diperakui bagi catatan yang berkaitan dengan perceraian itu dalam dasar perceraian yang berkenaan, atau*
 - (iii) *Suatu perakuan yang boleh diberi atas permohonannya selepas penyiasatan yang wajar oleh mahkamah Kadi yang mempunyai bidangkuasa di tempat di mana permohonan itu dibuat, yang bermaksud ia adalah seorang janda.*
- (c) *Jika ia bercerai sebelum disetubuh oleh suaminya dalam perkahwinan itu,*

ia tidak boleh berkahwin dengan seorang yang lain daripada suaminya yang terakhir itu dalam tempoh ‘iddahnya sekiranya ada untuk perceraian biasa kecuali dengan kebenaran kadi yang mempunyai bidang kuasa di tempat mana pengantin perempuan itu bermastautin.

(d) *Jika perceraian itu adalah dengan talaq ia tidak boleh berkahwin semula dengan suaminya yang terakhir itu melainkan ia telah berkahwin dengan sah dengan seorang lain dan ia telah disetubuh oleh suami yang baru dalam perkahwinan itu dan perkahwinan itu dibubarkan kemudianya dengan sah dan setelah habis ‘iddahnya.*

Jika perempuan itu adalah seorang balu ia tidak boleh berkahwin dengan mana-mana lelaki:

- (a) *Pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh ‘iddahnya, dan*
- (b) *Ia tidak boleh berkahwin melainkan ia telah mengemukakan:*
 - (i) *suatu surat perakuan kematian suaminya, atau*
 - (ii) *suatu perakuan dari Mahkamah, atau*
 - (iii) *suatu perakuan dari pihak yang berkuasa yang diitiraf dan disahkan oleh mahkamah.*⁽¹²⁷⁾

Begitulah peruntukan yang diperjelaskan oleh Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan kepada wanita yang telah bercerai dengan suaminya samada bercerai hidup atau mati apabila sudah habis menjalani tempoh ‘iddah berkahwin dengan mana-mana lelaki yang halal dikahwini kecuali dia diceraikan dengan talaq satu dan dua maka dia boleh diruju’ dengan bekas suaminya itu dalam sepanjang tempoh ‘iddahnya itu. Larangan ini disepakati oleh ulama’ berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu ber’azam untuk ber’aqad nikah, sebelum habis ‘iddahnya”.⁽¹²⁸⁾

3.3.2.2.6. Perkahwinan Poligami

3.3.2.2.6.1 Hak Wanita dalam Perkahwinan Poligami

Berhubung hak wanita dalam perkahwinan poligami Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 memperuntukkan: ⁽¹²⁹⁾

“Seseorang suami yang dengan sengaja tidak memberi keadilan sewajarnya kepada isterinya mengikut hukum syara’ adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila dithabitkan dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada empat bulan atau kedua-duanya sekali.”

Peruntukan ini menyatakan secara tidak langsung tentang hak isteri untuk mendapatkan keadilan sekiranya suami berkahwin lebih dari satu. Untuk menjamin hak isteri itu, maka ditetapkan hukuman kepada suami yang melanggar peruntukan itu.

Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan di atas pada pandangan penulis perlu dikaji semula agar ianya dapat berfungsi dalam mencegah penyelewengan suami. Hukuman yang lebih berat patut difikirkan. Dalam hal ini, pihak yang berkenaan boleh mencontohi Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985 yang mengenakan hukuman sebanyak satu ribu ringgit atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali jika suami didapati melakukan kesalahan ini. ⁽¹³⁰⁾

3.3.2.3. Perceraian

3.3.2.3.1. Jenis Perceraian

3.3.2.3.1.1. Perceraian Dengan Talaq

Di Kelantan di bawah Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, perkahwinan hanya boleh dibubarkan jika perkahwinan itu berlangsung mengikut hukum syara'. Semasa permohonan perceraian diserahkan salah satu pihak samada isteri atau suami mestilah bermastautin⁽¹³¹⁾ di Kelantan.⁽¹³²⁾

Di dalam kes di mana terdapat pertukaran agama atau murtad oleh suami atau isteri, perbuatan tersebut dengan sendirinya tidak membubarkan perkahwinan itu melainkan dengan disahkan sedemikian oleh mahkamah.⁽¹³³⁾

- (1) *Seseorang suami atau isteri yang hendak bercerai hendaklah menyerahkan satu permohonan untuk perceraian kepada Mahkamah di dalam borang 5A daripada jadual kelima yang mengandungi:*
- (a) *butir-butir mengenai perkahwinan antara pihak-pihak itu dan nama, umur, jantina anak-anak jika ada perkahwinan itu;*
 - (b) *butir-butir mengenai fakta memberi bidang kuasa kepada mahkamah;*
 - (c) *butir-butir mengenai sesuatu perbicaraan yang dahulu mengenai hal-hal suami-isteri antara pihak-pihak itu;*
 - (d) *suatu pernyataan tentang sebab-sebab hendak bercerai;*
 - (e) *suatu pernyataan tentang langkah-langkah perdamaian jika ada;*
 - (f) *syarat apa-apa perjanjian berkenaan nauskah bagi isteri dan anak-anak, jika ada dari perkahwinan itu, cadangan bagi pemeliharaan dan penjagaan anak-anak, jika ada, dari perkahwinan itu, dan*

kediaman, pembahagian apa-apa aset yang diperolehi melalui usaha bersama pihak-pihak itu, jika ada, atau jika tiada sesuatu persetujuan tersebut telah tercapai, cadangan permohon mengenai hal-hal ini dan
(g) *butir-butir mengenai perintah yang diminta* ⁽¹³⁴⁾

- (2) *Selepas menerima permohonan itu Mahkamah hendaklah menyebabkan satu saman diarahkan kepada pihak yang satu lagi itu bersama dengan satu salinan permohonan itu dan saman itu hendaklah mengarahkan pihak yang satu lagi itu hadir dihadapan Mahkamah untuk membolehkannya menyiasat samada pihak yang satu lagi itu bersetuju atau tidak terhadap perceraian itu. Jika pihak yang satu lagi itu bersetuju terhadap perceraian itu dan Mahkamah berpuas hati selepas penyiasatan yang wajar bahawa perkahwinan itu telah pecah belah dan tidak dapat dipulihkan, maka Mahkamah bolehlah menasihatkan suami supaya melafazkan satu talaq di hadapan Mahkamah. Mahkamah hendaklah merekodkan talaq itu dan kemudiannya mengeluarkan perakuan cerai bagaimana borang 5B.* ⁽¹³⁵⁾
- (3) *Jika pihak yang satu lagi itu tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi perdamaian antara pihak-pihak kepada perkahwinan itu, Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melantik suatu jawatan kuasa pendamai terdiri daripada seorang pegawai agama sebagai pengurus dan 3 orang lain termasuk seorang kenamaan untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan itu masing-masing. Pada membuat perlantikan itu Mahkamah hendaklah jika boleh memberi keutamaan kepada saudara-saudara karib pihak-pihak itu yang tahu akan hal keadaan kes itu; Mahkamah boleh memberi arahan-arahan kepada jawatankuasa itu tentang hal menjalankan perdamaian itu dan mereka hendaklah menjalankannya mengikut arahan-arahan itu. Jika mereka tidak dapat bersetuju atau jika Mahkamah tidak berpuashati tentang cara mereka menjalankan perdamaian itu, Mahkamah boleh memecat mereka dengan melantik orang-orang lain bagi menggantikan mereka.* ⁽¹³⁶⁾

Peruntukan di atas jelas menunjukkan bahawa perceraian tidak boleh dibuat tanpa berunding dengan isteri dan mendapat persetujuannya. Ini menghilangkan anggapan bahawa “ hak cerai berada pada tangan lelaki”.

3.3.2.3.1.2. Perceraian Dengan Syiqaq

Peruntukan untuk syiqaq boleh didapati dalam Enakmen keluarga Islam Kelantan 1983 sebagaimana berikut:

- (a) *Jika Mahkamah berpuashati bahawa perkelahian (shiqaq) sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, Mahkamah Kadi boleh melantik mengikut hukum syara' dua orang hakim (penimbangtara), untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan itu masing-masing. Pada membuat perlantikan itu, Mahkamah itu hendaklah jika boleh, memberi keutamaan kepada saudara-saudara karib pihak-pihak yang berkenaan yang tahu akan hal keadaan kes itu.*
- (b) *Mahkamah itu boleh memberi arahan-arahan kepada hakim tentang hal menjalankan perundingan dan mereka hendaklah menjalankannya mengikut arahan-arahan itu dan mengikut hukum syara'. Jika mereka tidak dapat bersetuju, atau jika Mahkamah itu tidak berpuashati dengan cara mereka menjalankan perundingan itu,. Mahkamah boleh memecat mereka dan melantik hakim lain bagi mengantikan mereka.*
- (c) *Hakim hendaklah berusaha mendapatkan kuasa penuh dari prinsipal mereka masing-masing dan boleh, jika kuasa mereka membenarkan, melafazkan satu talaq di hadapan Mahkamah jika dibenarkan sedemikian oleh Mahkamah itu, dan jika demikian halnya, mahkamah hendaklah merekodkan lafaz satu talaq itu, dan kemudiannya hendaklah mendaftarkannya atau*

- (d) *Jika hakam berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat menceraikannya oleh kerana sesuatu sebab, Mahkamah hendaklah melantik hakam lain dan hendaklah memberi kepada mereka kuasa untuk menceraikannya dan hendaklah, jika mereka berbuat demikian, merekodkan perceraian itu dan mengeluarkan perakuannya.*⁽¹³⁷⁾

Peruntukan di atas pada dasarnya telah dapat membela kaum wanita yang teraniaya disebabkan persengketaan yang sering terjadi dalam kehidupan berumahtangga. Kebuntuan ini perlu dicari jalan penyelesaiannya, maka tugas hakam sebagai penimbangtara tidak boleh dipandang ringan.

Sesungguhnya perceraian yang normal adalah sama dengan kelahiran yang normal, di mana ia akan berjalan lancar dengan sendirinya tetapi perceraian daripada seorang lelaki yang tidak bersetuju untuk menceraikan isterinya sedangkan kedamaian berumahtangga tidak diperolehi, adalah sama seperti kelahiran yang tidak natural dan luar biasa, di mana dengan bantuan doktor dan pakar bedah anak itu dapat dilahirkan.

3.3.2.3.1.3. Perceraian Dengan Ta'liq

Mengenainya Enakmen Keluarga Islam 1983 memperuntukkan:

- (1) *"Seseorang perempuan yang bersuami boleh mendapat perceraian menurut syarat-syarat surat ta'liq yang dibuat apabila berkahwin, memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku."*

- (2) "Mahkamah hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat suatu penyiasatan mengenai sahnya perceraian itu dan, jika berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut Hukum Syara' hendaklah mengesahkan dan merekodkan perceraian itu, dan kemudiannya mendaftarkannya."⁽¹³⁸⁾

Ta'liq talaq di Malaysia pada umumnya merupakan amalan yang lumrah. Hampir seluruh aqad perkahwinan yang berlaku diikuti dengan Ta'liq talaq. Dengan lain perkataan, keseluruhan aqad perkahwinan di Malaysia sekarang ini disertai dengan lafaz talaq yang bersyarat.

Ta'liq talaq yang menjadi amalan di Malaysia, yang pada umumnya dimestikan oleh Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri, mempunyai latar belakangnya yang tersendiri.

Sebelum ta'liq talaq dilaksanakan banyak masalah kekeluargaan, khususnya masalah perceraian menjadi masalah yang rumit untuk diselesaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Perempuan-perempuan yang berkahwin ada kalanya ditinggalkan oleh suami mereka berbulan-bulan malah bertahun-tahun lamanya tanpa sebarang nafkah. Adakalanya isteri-isteri itu dipukul dan disiksa oleh suami-suami mereka dan berbagai-bagi lagi permasalahan yang timbul.

Oleh kerana memandangkan kepada perkara-perkara yang tersebut itu sukar diselesaikan apabila datang pengaduan kepada pihak yang berkenaan, maka timbulah fikiran menguatkuasakan ta'liq. Setiap lelaki yang berkahwin

hendaklah berta'liq talaq. Apabila ta'liq telah dilafazkan maka senanglah pihak berkuasa menyelesaikan permasalahan yang timbul, seperti tidak memberi nafkah isteri yang ditinggal atau isteri yang disiksa oleh suami dan sebagainya, dengan menggugurkan talaq berdasarkan lafaz ta'liq itu. Misalnya apabila suami telah berta'liq "setiap kali saya tidak memberi nafkah kepada isteri saya selama sebulan atau lebih lalu tidak sabar ia, mengadu ia kepada kadi dan apabila thabit, maka bertalaqlah isteri saya satu talaq".

Jika diteliti kepada ta'liq yang berbentuk seperti ini, maka didapati suami tidak boleh mengabaikan nafkahnya kepada isteri, dengan lain perkataan, terbelalah kaum perempuan, seolah-olah ia akan mendapat nafkah selamalamanya. Tetapi diandaikan berlaku sebaliknya, suami tidak memberi nafkah, isteri mengadu kepada kadi dan jika thabit kesalahan maka ketika itu tertalaqlah isteri tersebut. Soal yang harus timbul ialah apabila talaq dijatuhkan apakah ianya dapat menyelesaikan masalah yang sebenarnya, iaitu masalah nafkah? Adalah dirasakan ianya bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah yang timbul malah menimbulkan beban yang baru pula yang menyiksa kaum wanita, iaitu masalah talaq itu sendiri. Pada hal ada kemungkinan seorang perempuan itu tidak mengingini dia ditalaqqan, tetapi tidak sanggup menghadapi masalah suaminya tidak memberi nafkah dalam tempoh yang melebihi ta'liq. Adakah dia akan mengadu perkara ini kepada kadi atau berdiam diri sahaja? Kalau dia mengadu dia terpaksa membuktikan kepada kadi bahawa suaminya tidak memberi sebarang nafkah , dan jika thabit suaminya tidak memberi nafkah maka talaq tidak dapat

tidak akan digugurkan, samada ianya dikehendaki oleh isteri atau tidak, samada dihukum oleh kadi atau tidak. Yang pasti talaq itu gugur itulah kehendak ta'liq yang dimestikan sebelum ini.

Namun begitu ta'liq talaq ini dikuatkuasakan untuk memberi perlindungan Undang-undang kepada kaum perempuan apabila dianiyai dan disiksa oleh kaum lelaki tanpa sebarang sebab yang munasabah. Sekiranya tidak wujud ta'liq yang seperti ini maka akan tersia-sialah kaum perempuan dan pihak mahkamah tidak boleh bertindak menyelesaikan masalah yang dihadapi, kerana tidak ada peruntukan undang-undang untuk menyelesaikan masalah itu.

Walaupun ianya diwujudkan untuk menyelesaikan masalah dan membela kaum wanita, tetapi apakah benar masalah yang dihadapi itu tidak dapat diselesaikan menurut lunas-lunas hukum madhab? Ianya masih boleh dipersoalkan lagi!

Sekalipun peruntukan ini telah dapat membela kaum wanita dari diperlakukan sehendak hati oleh suami yang tidak bertanggungjawab, ia juga membuka ruang kepada kaum wanita untuk memohon supaya ta'liq talaq yang dilafazkan oleh suami mereka dipersahkan. Kaum wanita merasakan mereka mempunyai kekuasaan untuk menceraikan suami mereka. Perasaan ini terlalu jauh dari kehendak Islam yang telah memberi hak talaq itu kepada kaum lelaki yang lebih tetap pendiriannya, supaya talaq itu tidak menjadi mainan begitu sahaja. Dan untuk menjaga kaum wanita supaya tidak dianiyai oleh suami mereka terlalu banyak jalan-jalannya yang dianjurkan oleh Islam kerana Islam mempunyai peraturan-peraturan yang lengkap untuk tujuan itu.

3.3.2.3.1.4 Perceraian Dengan Tebus Talaq (Khul')

Mengenainya Enakmen Keluarga Islam memperuntukkan:

1. *Jika suami tidak bersetuju menjatuhkan talaq dengan kerelaanya sendiri tetapi pihak itu bersetuju bercerai dengan tebus talaq, Mahkamah hendaklah, selepas jumlah bayaran tebus talaq dipersetujui oleh pihak-pihak lain menasihatkan suami melafazkan perceraian dengan tebus talaq mengikut hukum syara' dan perceraian itu adalah bain sughra atau tak boleh diruju'. Mahkamah hendaklah merekodkan cerai tebus talaq itu dengan sewajarnya dan kemudiannya mendaftarkannya.*
2. *Jika jumlah bayaran tebus talaq tidak dipersetujui oleh pihak-pihak itu, Mahkamah boleh mentaksirkan jumlah itu mengikut taraf dan kemampuan pihak-pihak itu mengikut hukum syara'*
3. *Jika suami tidak bersetuju bercerai dengan tebus talaq atau jika suami tidak hadir dihadapan Mahkamah sebagaimana diarahkan atau jika Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi satu perdamaian, Mahkamah hendaklah melantik satu jawatankuasa pendamai sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 35 dan peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (3) hingga (10) seksyen itu hendaklah dipakai sewajarnya.⁽¹³⁹⁾*

Peruntukan itu telah memberikan hak kepada isteri untuk mendapatkan cerai dengan khul' apabila Mahkamah meyakini yang dia tidak lagi dapat meneruskan kehidupan bersama-sama suaminya. Jika persefahaman, hormat-menghormati dan kasih-sayang sudah tidak ada lagi di dalam pergaulan suami

isteri, maka mengekalkan rumah tangga mereka bererti memaksa mereka untuk tinggal dalam satu ikatan yang dibenci.

3.3.2.3.1.5 Perceraian Dengan Fasakh

Alasan-alasan untuk membubarkan perkahwinan melalui fasakh nampaknya telah semakin berkembang dan tersusun. Ini berlaku apabila Malaysia juga tidak ketinggalan dalam membuat reformasi atas undang-undang keluarga sebagaimana negara-negara Islam yang lain. Bahkan penggubalan dan penguatkuasaannya mendapat desakan daripada beberapa perkumpulan wanita Islam yang mahukan kedudukan wanita di sisi undang-undang berkaitan dengan undang-undang keluarga diperbaiki. ⁽¹⁴⁰⁾

Semua undang-undang keluarga yang digubal sejak tahun 1983 mengiktiraf bahawa seorang isteri dibenarkan memohon fasakh di Mahkamah atas satu atau beberapa alasan yang telah disenaraikan dan diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam di tiap-tiap negeri. Di negeri Kelantan, alasan yang disenaraikan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 38, Enakmen Keluarga Islam Kelantan, Bil. 1, Tahun 1983.

- (a) *Bahawa suami telah mati pucuk dan masih lagi sedemikian keadaannya dalam masa setahun setelah dibuat pengaduan;*
- (b) *Bahawa suami telah gila atau sedang mengidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang mengidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit selama tidak ada*

kenyataan terang menunjukkan relanya dengan penyakit tersebut;

- (c) *Bahawa isteri setelah dikahwin kan oleh bapa atau datuknya sebelum ia cukup umur mengikut hukum syara' menolak perkahwinan itu setelah mencapai umur lapan belas tahun;*
- (d) *Bahawa izin isteri terhadap perkahwinan itu telah diberi secara tidak sah samada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidak sempurnaan akal ataupun lain-lain sebab syar'i;*
- (e) *Bahawa pada masa perkahwinan itu isteri adalah seorang yang sakit otak (samada berterusan atau berselangan) dalam erti Ordinan Sakit Otak 1952 dari jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak berkahwin;*
- (f) *Atas apa-apa alasan yang diitiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh menurut hukum syara'.*

Bagaimanapun bagi negeri-negeri Terengganu, Pulau Pinang, wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Selangor⁽¹⁴¹⁾ telah memperuntukkan alasan-alasannya dengan agak luas sebagaimana:

- (a) *Tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun.*
- (b) *Bahawa suami telah cuai atau tidak mengadakan peruntukan nafkahnya selama tempoh tiga tahun.*
- (c) *Bahawa suami telah dihukum penjara selama tiga tahun atau lebih.*
- (d) *Bahawa suami telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinan(nafkah batin) selama tempoh satu tahun.*
- (e) *Bahawa suami menganiayainya, iaitu antara lain:*
 - i. *Lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniyaya, atau*
 - ii. *Berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan hukum syara' atau*
 - iii. *Cuba memaksa isteri hidup secara lucah, atau*
 - iv. *Melupuskan harta isteri atau melarang isteri itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu, atau*

- v. Menghalang isteri dari menunai atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya, atau
 - vi. Jika ia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak hukum syara'
- (f) Bahawa walaupun empat bulan berlalu tetapi isteri masih belum disetubuh oleh kerana suami bersengaja enggan menyetubuhinya.
- (g) Apa-apa alasan lain yang diitiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau fasakh di bawah hukum syara'

Dengan tersenarainya alasan-alasan yang disebutkan, maka mudahlah lagi seorang isteri untuk memohon fasakh terutamanya apabila terdapat peruntukan "...apa-apa alasan lain..." yang dianggap sah dan munasabah.

3.3.2.3.1.6 Perceraian Dengan Anggapan Mati

Suami kepada seorang perempuan yang telah meninggal atau telah dipercayai meninggal atau beritanya tidak didengari beberapa lama dan dipandang mengikut undang-undang Islam seperti meninggal bagi membolehkan isterinya berkahwin lagi. Dalam keadaan surat keterangan mati tidak boleh didapati di bawah Undang-undang Pendaftaran Beranak Dan Mati (*Federated Malay State Cap.190*), kadi bolehlah di atas permohonan dan kepastian daripada penyiasatan yang betul mengeluarkan mengikut undang-undang Islam satu surat keterangan yang menyifatkan kematian suaminya itu. Selepas daripada itu isteri bolehlah berkahwin lagi mengikut undang-undang yang berkenaan. Seorang wanita tidak boleh berkahwin lagi tanpa surat keterangan yang dikeluarkan di bawah

peruntukan tersebut. Surat keterangan yang telah dikeluarkan di bawah peruntukan tersebut hendaklah didaftarkan seperti surat cerai.

Mengenainya Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 memperuntukkan:

- (i) "Jika suami seseorang isteri telah mati atau dipercayai telah mati atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh tujuh tahun ke atas dalam hal keadaan yang sebegini hingga ia patut, bagi maksud membolehkan isterinya berkahwin semula, dianggap mengikut hukum syara' sebagai telah mati, tetapi perakuan kematian di bawah Ordinan Kelahiran Dan Kematian 1957, tidak dapat diperolehi Mahkamah boleh, atas permohonan isterinya dan selepas apa-apa penyiasatan yang wajar mengeluarkan perakuan cerai mati dalam borang 5F sebagai suatu perakuan menganggap suami itu telah mati, dan kemudian daripada itu isterinya adalah bebas berkahwin semula mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini, dan perakuan itu hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu dalam erti Seksyen 15(4)(b)".⁽¹⁴²⁾

Enakmen Kelantan telah memperuntukkan tempoh kehilangan suami sehingga mencapai tujuh tahun ke atas, satu tempoh yang panjang, walau bagaimanapun ia perlu berhati-hati supaya tidak timbul sebarang masalah di kemudian hari.

3.3.2.3.2 Hak-hak Wanita Selepas Perceraian

3.3.2.3.2.1 Hak Mendapat Mahr Yang Belum Dijelaskan Dan Hutang-hutang Lain Yang Tertunggak

Islam membenarkan wanita yang diceraikan mendapatkan hak terhadap mahr yang belum dijelaskan dan hutang-hutang lain yang tertunggak.

Berhubung dengan hak ini Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 memperuntukkan: ⁽¹⁴³⁾

"Tiada apa-apa juga yang terkandung dalam Enakmen ini boleh menyentuh apa-apa hak yang mungkin ada pada seorang isteri di bawah hukum syara' terhadap mas kahwinnya dan pemberian kepadanya atau apa-apa bahagian daripadanya apabila perkahwinan dibubarkan".

Daripada keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa seseorang isteri mempunyai hak penuh terhadap mas kahwin yang diberikan oleh suaminya dan hak ini tidak terjejas sedikit pun dengan berlakunya perceraian. Kecualilah perceraian tersebut terjadi sebelum berlakunya persetubuhan di antara pasangan tersebut di mana bekas isteri hanya berhak untuk mendapat separuh dari jumlah mas kahwin yang diberikan kepadanya.

Dalam kes *Sha'ari bin Mat lawan Teh binti Hashim*, ⁽¹⁴⁴⁾ Mahkamah telah memerintahkan suami membayar mahr sebanyak RM300.00 yang masih

tertangguh. Ini menjelaskan Mahkamah Syariah telah menjamin wanita Islam untuk mendapatkan hak mahr mereka.

Selain daripada menuntut hak mahr yang belum dijelaskan, seseorang bekas isteri boleh menuntut tunggakan hutang lain seperti saraan hidup ketika dalam tempoh perkahwinan dan sebagainya jika ia dapat membuktikan hutang-hutang itu atau bekas suami mengakui hutang-hutang itu.

3.3.2.3.2.2 Hak Mendapat Mut’ah

3.3.2.3.2.2.1 Makna Mut’ah

Menurut Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Mut’ah sebagai bayaran saguhati yang diberi mengikut Hukum Syara’ kepada isteri yang diceraikan.⁽¹⁴⁵⁾

Saguhati tersebut bolehlah diberi samada dalam bentuk sejumlah wang, pakaian, kenderaan atau sebagainya.

Melihat keadaan tafsiran inilah seringkali isteri-isteri yang telah diceraikan menganggap ia tidak wajib diterima, sedangkan ia adalah hak yang disebutkan di dalam kitab suci al-Qur'an dan menurut Madhhab Syafi'i ia adalah suatu perkara yang wajib diberi.⁽¹⁴⁶⁾

Tafsiran itu juga mengelirukan dan memberi tanggapan kepada orang awam bahawa mut’ah hanyalah suatu bayaran sukarela yang boleh dibuat kepada

seseorang perempuan yang telah bercerai. Mungkin ia patut diistilahkan sebagai ‘pampasan’ atau ‘peruntukan kewangan’ untuk perempuan yang telah bercerai.

3.3.2.3.2.2. Peruntukan Mut’ah

Berhubung mut’ah Enakmen Keluarga Islam 1983 memperuntukkan:⁽¹⁴⁷⁾

“Selain dari haknya untuk memohon nafkah seseorang perempuan yang telah diceraikan boleh memohon mut’ah atau bayaran saguhati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syara’ apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah diceraikan.”

Meskipun terdapat peruntukan mut’ah dari segi undang-undang namun tidak banyak kes-kes yang berhubungnya dibawa ke Mahkamah Syari’ah. Dalam masa perbicaraan untuk perceraian, isteri jarang sekali menuntut mut’ah sehingga diberitahu oleh kadi.⁽¹⁴⁸⁾ Keadaan ini wujud mungkin kerana pihak wanita tidak begitu faham tentang mut’ah. Kebanyakan suami pula tidak memahami tentang kewajipan mereka untuk membayar mut’ah setelah berlakunya perceraian.

Di samping itu kekeliruan juga timbul disebabkan prinsip umum yang menyebut hanya isteri yang diceraikan tanpa sebab yang munasabah sahaja berhak mendapat mut’ah. Difahami dari sini jika isteri itu diceraikan oleh satu sebab yang munasabah atau jika perceraian itu diminta sendiri oleh isteri seperti khul’ atau fasakh hak mendapatkan mut’ah akan gugur dengan sendirinya.

Perlulah dijelaskan di sini bahawa untuk menghukum yang suatu perceraian itu adalah disebabkan oleh isteri bukanlah suatu yang mudah melainkan di dalam kes-kes yang benar-benar jelas seperti isteri murtad (keluar dari Islam) atau fasakh dengan sebab keaiban pihak suami yang jelas seperti suami tidak mampu untuk memberi nafkah samada nafkah zahir atau batin dan sebagainya.

Oleh yang demikian, walaupun pada zahirnya perceraian tersebut diminta oleh pihak isteri, seperti isteri meminta cerai ta'liq atau khul' tetapi ianya disebabkan kezaliman suami, maka perceraian sebegini dikatakan berpunca daripada pihak suami dan isteri boleh menuntut hak mut'ahnya.

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa perlaksanaan umum ini adalah bergantung kepada fakta-fakta perceraian dan terserah kepada budi bicara kadi yang membicarakan kes tersebut.

3.3.2.3.2.2.3. Kadar Mut'ah

Enakmen 1983 tidak memperuntukkan sebarang kuantum mut'ah yang perlu dibayar. Penentuan jumlah tersebut dengan demikian dibuat oleh Mahkamah mengikut kadar kemampuan suami. ⁽¹⁴⁹⁾

Pada kebiasaannya, pembayaran mut'ah ini adalah dalam bentuk wang tunai. Bagaimanapun al-Tabari apabila mentafsirkan ayat 236 Surah al-Baqarah mengenai mut'ah menyimpulkan bahawa mut'ah itu harus mengandungi pakaian,

tempat tinggal, makanan malah perkhidmatan pembantu rumah.⁽¹⁵⁰⁾ Dari sudut ini mut'ah merangkumi item-item yang dikira mencukupi bagi menampung kehidupan masa depannya setelah isteri tersebut diceraikan. Bahkan bukan setakat itu, ada antara pentafsir al-Qur'an mewajibkan pemberian mut'ah tanpa melihat kepada keadaan isteri atau pun bentuk perceraian yang berlaku.⁽¹⁵¹⁾ Ini bermakna semua wanita mempunyai hak untuk mendapat mut'ah selepas mereka diceraikan.

Dalam kes *Tengku Anum lawan Dato' Dr. Hussein*,⁽¹⁵²⁾ peguam bagi pihak menuntut (*isteri*) telah meruju' kepada kes Hasan Ibn. 'Ali Ibn. Abi Talib yang mana semasa beliau menjadi khalifah telah menceraikan isterinya dan memberi 10,000 dinar sebagai mut'ah. Peguam itu berhujah pihak yang kena tuntut (*suami*) seorang yang berkemampuan. Yang Arif Kadi Besar Selangor (pada masa itu) telah meruju' Surah al-Ahzab ayat 49 dan memutuskan pihak yang menuntut (*isteri*) berjaya menuntut mut'ah sebanyak RM25,200.00 sebagaimana yang dituntutnya.

Apa yang nyata, berdasarkan kes ini, walaupun seseorang wanita itu mempunyai pendapatan yang baik, ia tetap menuntut haknya kerana perceraian itu atas kehendak suami.

Dalam kes *Sabariah bt. Mat Ali lawan Md. Ghazali bin Hussain*,⁽¹⁵³⁾ oleh kerana yang kena tuntut (bekas suami) tidak memberi apa-apa bayaran mut'ah kepada yang menuntut selepas bercerai, maka yang menuntut (bekas isteri)

memohon agar Mahkamah mengeluarkan perintah kepada yang kena tuntut membayar mut'ah kepada yang menuntut sebanyak RM3000.00 atau kadar lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah mengikut Seksyen 44, Enakmen Keluarga Islam Kelantan, 1983.

Setelah mendengar keterangan yang menuntut dan saksi-saksi dan juga keterangan yang kena tuntut, didapati telah berlaku perceraian selepas berlaku pergaulan dan selepas nikah yang sah menurut hukum syara' dan telah memperolehi empat orang anak. Mahkamah menghukumkan wajib yang kena tuntut memberi mut'ah kepada yang menuntut menurut kadar mahkamah sebanyak RM1000.00 berpandukan nas:

"Sekiranya terdapat perbalahan(tentang kadar mut'ah yang perlu dibayar) maka Kadi (Mahkamah)lah yang menentukan kadarnya dengan mengambil kira kedudukan kewangan (kaya dan miskin) bekas suami".

Petikan dari kitab "I'anat al-Talibin" jilid 3, halaman 256 dan menurut Seksyen 44 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

Kes di atas menjelaskan bahawa pemberian kadar mut'ah akan diputuskan oleh mahkamah dengan mengambil kira kedudukan kewangan bekas suami apabila berlaku pertelingkahan antara bekas suami dan bekas isteri dalam menentukan kadarnya.

3.3.2.3.2.3 Hak Terhadap Harta Sepencarian

3.3.2.3.2.3.1 Ta’rif Harta Sepencarian

Maksud harta sepencarian dalam bahasa Melayu yang mudah difahami ialah harta yang didapati oleh pasangan suami isteri kerana sama-sama mencari dan sama-sama berusaha untuk mendapatkan harta tersebut.

Harta sepencarian itu disebut juga dalam bahasa Inggeris “Joint earnings of husband and wife atau properly acquired by the joint efforts of the husband and wife” iaitu harta yang dikumpul hasil daripada usahasama suami isteri semenjak mereka berkahwin.⁽¹⁵⁴⁾

Menurut M.B.Hooker harta sepencarian itu ialah harta yang diperolehi bersama oleh pasangan suami isteri dalam masa perkahwinan.⁽¹⁵⁵⁾

Dalam hubungan ini Yang ‘Arif Hakim Briggs telah memberi ta’rif harta sepencarian ialah harta yang diperolehi dalam masa mereka hidup dan berkahwin sebagai suami isteri, iaitu hasil daripada daya usaha mereka atau melalui usaha mereka bersama.⁽¹⁵⁶⁾

Manakala Profesor Ahmad Ibrahim pula memberi definisi harta sepencarian, iaitu sebagai dalam kes perceraian atau matinya suami dan isteri boleh menuntut sebahagian harta seperti tanah yang didapati hasil daripada usaha mereka bersama sejak berkahwin.⁽¹⁵⁷⁾

Sehubungan dengan ini, Yang Arif Hakim Raja Azlan Syah telah mengatakan harta sepencarian ialah adat melayu dan ianya digunakan hanya kepada kes-kes perceraian antara suami isteri yang menuntut kepada lawannya (suami isteri) sejak mereka (suami isteri) hidup bersama. Maka harta sepencarian ini memang sudah terkenal sebagai harta yang mereka perolehi dengan cara usaha sama, samada harta boleh alih atau tidak, asalkan harta itu diperolehi semasa wujudnya perkahwinan mereka yang terbabit.⁽¹⁵⁸⁾

Menurut Kadi Besar Pulau Pinang, Hj. Harussani bin Hj. Zakaria (pada masa itu) mengatakan harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama-sama semasa suami isteri itu hidup bersama dan sama-sama berusaha, samada kedua pasangan itu sama-sama bekerja dalam bidang yang sama, atau dalam bidang yang berlainan, samada dibahagikan tugas atau sebaliknya.⁽¹⁵⁹⁾

Dari kata-kata Yang ‘Arif Hakim-Hakim yang telah dikemukakan kes-kes yang telah disebutkan itu dapatlah dibuat kesimpulan seperti berikut:

1. Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi oleh suami isteri, samada usaha sama itu dalam satu bidang pekerjaan. Umpamanya suami isteri sama-sama berniaga, sama-sama makan gaji, sama-sama menjalankan perusahaan pertanian atau lainnya. Atau pun suami dan isteri itu bekerja dalam bidang berlainan. Umpamanya suami makan gaji manakala isteri berniaga atau lainnya. Maka hasil daripada pendapatan mereka bersama itu, mereka membeli harta alih atau harta tidak alih.

Samada harta itu didaftarkan atas nama bersama atau atas nama suami atau isteri, maka harta itu dikenali dengan harta sepencarian.

Perlu dijelaskan maksud harta alih seperti kenderaan, wang, binatang ternakan, perkakas rumah, barang-barang kemas atau seumpamanya.

Manakala harta tidak alih ialah rumah, tanah, kilang, firma atau lain lagi.

2. Harta tersebut diperolehi dalam masa pasangan suami isteri itu berkahwin dengannya. Oleh itu tidak dikatakan harta sepencarian jikalau harta itu didapati oleh pihak-pihak itu sebelum berlaku perkahwinan atau selepas suami isteri itu bercerai. ⁽¹⁶⁰⁾

3.3.2.3.2.3.2 Pembahagian Harta Sepencarian

Pembahagian harta sepencarian adalah hak di antara hak yang terpenting dan selalu menjadi pertikaian apabila berlakunya sesuatu perceraian di masa ini.

Peruntukan mengenai harta sepencarian ini merupakan amalan ‘Adat Melayu yang telah diberi pengiktirafan oleh Undang-Undang Islam masa kini. Hakim Briggs menyatakan dalam penghakimannya terhadap kes *Hajjah Lijah Bt. Jamal lawan Fatimah Bt. Mat Diah*. ⁽¹⁶¹⁾

“Saya fikir tidak terdapat syak bahawa peraturan-peraturan yang menentukan harta sepencarian itu bukanlah sebahagian daripada undang-undang Islam yang tulen tetapi suatu perkara mengenai ‘Adat Melayu’. Seterusnya beliau berkata:

"Memandangkan peng'tirafan yang jelas atas harta sepencarian dalam beberapa negeri dan juga Mahkamah, maka saya bersedia memutuskan bahawa peraturan-peraturan yang menentukan sekarang dalam membentuk sebahagian daripada undang-undang umum negeri ini.....".

Harta sepencarian diasaskan kepada peng'tirafan undang-undang akan peranan yang telah dimainkan oleh seseorang suami isteri yang telah bercerai dalam memperolehi harta yang berkenaan itu dalam memajukan harta itu (dalam hal-hal yang harta itu telah diperolehi dengan usaha tunggal satu pihak sahaja). Disebabkan oleh usaha bersama atau tenaga bersama sedemikian, seorang suami isteri yang telah bercerai berhak memperoleh sesuatu bahagian harta itu....Dengan demikian apabila dibuktikan bahawa suatu harta itu telah diperoleh (semasa tempoh perkahwinan) atau bahawa pihak yang menuntut telah membantu dalam mengusahakan harta itu, undang-undang menganggapkan bahawa harta itu adalah harta sepencarian dan terpulanglah kepada pihak yang satu lagi untuk menafikan tuntutan itu serta menyangkalkan anggapan itu. ⁽¹⁶²⁾

Adalah tidak dinafikan kegiatan suami dan isteri di luar rumah dalam konteks kelaziman masyarakat Melayu di Malaysia telah pun berlaku sejak masyarakat ini wujud di mana isteri atau kaum wanita sama-sama berusaha bersama suami membanting tulang meneroka tanah-tanah, meskipun dalam konteks yang amat terhad. Sebab itu timbulnya istilah ‘sama-sama sepencari’ menjadi asas penting dalam konsep harta sepencarian yang dikenali hari ini. Ada tanggapan yang mengatakan bahawa kaum wanita hanya layak duduk di rumah menjaga anak-anak dan makan-minum suami. Anggapan ini memang relevan

dalam memahami konsep ini secara praktikal. Usaha atau kerja-kerja isteri mahupun suami di dalam rumah yang disumbangkan secara langsung atau tidak langsung terhadap rumah tangga dan anak-anak boleh dijadikan alasan untuk mendapatkan harta sepencarian. Pun begitu, ada juga anggapan bahawa sumbangan demikian di sisi ajaran agama sebagai sumbangan sukarela yang dikira sebagai sunat dan bukan dinilai dari perspektif material yang wajar dituntut. Kerana itu ada justifikasi dalam perakuan Kadi Larut(*Haji Abdul Rahman*) dalam perbicaraan kes *Wan Mahatan lawan Haji Abdul Samad*(163) apabila beliau mencatatkan:

"Seorang perempuan berkahwin dengan seorang yang makan gaji pada hal perempuan itu tiada apa-apa pekerjaan ia mahadamatkan suaminya seperti bertanak dan mencuci baju suaminya seperti kelaziman hadamat perempuan Melayu zaman ini maka harta yang dapat di dalam itu tiada apa-apa syarikat dengan perempuan itu hanya tertentu kepada suaminya juga"

Dengan perkataan lain, ‘hasil kerja biasa yang dilakukan oleh isteri di rumah tidak boleh diambil kira kerana ia termasuk dalam *mu'āsyarah bi al-ma'rūf*’. Oleh yang demikian, adalah tidak harus ditetapkan pembahagian misalnya 1:2, 1:3 dan seumpamanya bagi kes isteri yang tidak bekerja di luar rumah.

Sebenarnya, sumbangan isteri di dalam rumah telah mendatangkan manfaat yang besar yang bukan sahaja boleh dinikmati oleh suami malah juga anak-anak dalam perkahwinan tersebut. Tetapi tidak dinafikan juga, suami banyak

berkorban secara langsung dalam menyara dan melayan isteri dan anak-anak(rumahtangga).

Sehubungan itu, terdapat kes-kes tuntutan harta ini dari pihak isteri yang memberi alasan bahawa dia berhak mendapat sebahagian daripada harta-harta yang dikumpul dalam tempoh perkahwinan mereka kerana telah menyumbang menguruskan rumahtangga sehingga boleh melicinkan urusan suaminya di luar rumah mencari dan mengumpul harta. Dalam hal ini, Mahkamah biasanya memutuskan kurang dari separuh harta-harta yang dituntut itu diberi kepada isteri. Penentuan kurang dari separuh harta berkenaan kepada pihak isteri sebenarnya adalah atas budi bicara atau ihsan Mahkamah dengan melihat kedudukan bekas isteri sama ada dia mempunyai harta persendirian atau menerima habuan itu untuk meneruskan hidupnya sebagai wanita yang tidak bersuami. Konsep ini sebenarnya tidaklah menjelaskan ganjaran ukhrawi yang diterimanya kelak kerana membantu suami di dalam urusan rumahtangga. Walau bagaimanapun, ganjaran ukhrawi(pahala) itu adalah bergantung kepada niat seseorang itu.

Penentuan jenis harta juga adalah atas budi bicara Mahkamah. Dalam kes *Boto' Bt. Taha lawan Jaafar Bin Muhammad.*⁽¹⁶⁴⁾ Yang Ariff Hakim(pada ketika itu) Tan Sri Salleh Abbas menyatakan harta alih yang diperolehi semasa perkahwinan juga merupakan harta sepencarian.

Dalam kes ini penyertaan isteri dalam kerja-kerja suaminya walaupun dalam bentuk tidak secara langsung seperti hanya mengiringi suami dalam perjalanan untuk menjalankan perniagaan dianggap sebagai sumbangannya dalam perolehan harta itu. Hal demikian ini kerana penyertaan isteri dan sumbangannya iaitu memberi kedamaian dan ketenteraman kepada suami sehingga beliau berjaya dalam pekerjaannya.

Oleh yang demikian apa-apa harta sama ada harta alih atau tidak alih yang diperolehi semasa perkahwinan adalah menjadi harta sepencarian.

Harta sepencarian juga boleh dituntut oleh seseorang isteri yang bercerai dengan suaminya akibat kesalahan dirinya sendiri atau perceraian melalui cara khul' (tebus talaq) kecuali jika khul' itu dituntut dengan melepaskan haknya terhadap harta yang ada.

Pada mulanya harta yang dituntut hanya melibatkan cucuk tanam atau tanah sahaja tetapi kemudian ia meliputi semua. "Tanah" disebut dengan nyata kerana dahulunya orang Melayu merupakan masyarakat desa yang mengerjakan tanah, dan pada masa itu harta mereka dengan banyaknya terbatas kepada tanah dan kepada ternakan yang dipelihara untuk digunakan di atas tanah itu. Oleh itu, Mahkamah memutuskan bahawa pihak isteri dalam kes *Boto' lawan Jaafar* berhak memperolehi satu pertiga bahagian daripada harta-harta yang diperolehi semasa tempoh perkahwinan itu (yang didaftarkan dengan menggunakan nama

suami) dan setengah bahagian daripada bot yang telah didaftarkan dengan mengguna nama mereka secara bersama. Pendapatan yang diperoleh daripada harta-harta itu hendaklah dibahagikan dengan cara yang sama juga. Satu pertiga bahagian diberikan kepada isteri kerana keterangan menunjukkan bahawa pihak isteri membantu perniagaan pihak suami hanya secara tidak langsung sebagai teman suami semasa perjalanan berhubung dengan perniagaan itu.

Dalam kes *Rokiah Bt. Haji Abdul Jalil lawan Mohamed Idris B. Syamsudin*.⁽¹⁶⁵⁾ Lembaga Rayuan Syari'ah mengenai soal harta sepencarian, telah meruju' kepada suatu petikan daripada kitab al- Majmu'. Dalam kes itu, Kadi Besar telah menolak tuntutan pihak isteri bagi harta sepencarian atas alasan bahawa harta-harta itu telah diperoleh oleh pihak suami dengan menggunakan wangnya sendiri. Lembaga Rayuan, dalam membenarkan rayuan pihak isteri mengenai perkara ini telah memutuskan bahawa sumbangan secara tidak langsung oleh pihak isteri dalam memperoleh harta-harta yang telah diperoleh dalam masa perkahwinan itu dengan menjaga rumah tangga dan keluarga mesti dipertimbangkan juga. Petikan yang diruju' daripada kitab al-Majmu' menyatakan bahawa tidaklah wajib bagi seseorang isteri untuk berkhidmat kepada suaminya dengan memasak, mencuci pakaian dan membuat kerja yang seumpamanya kerana tujuan kontrak perkahwinan ialah untuk membolehkan mereka menikmati hidup bersama. Jika pihak isteri pada hakikatnya menolong pihak suami dalam kehidupannya, profesionnya atau perniagaannya, dan dengan itu pihak suami dapat memperoleh harta melalui usahanya, maka pihak isteri telah memberi

sumbangan secara tidak langsung dalam memperoleh harta tersebut. Dalam kes *Rokiah lawan Mohamed Idris*, Lembaga Rayuan telah memberikan pihak isteri satu pertiga bahagian daripada harta-harta, tanah dan beberapa pelaburan tertentu pihak suami.

Suatu perkara yang menarik untuk diberi perhatian di sini ialah bahawa ‘Adat Melayu juga menggunakan “kaedah satu pertiga” sebagai satu prinsip ‘am dalam membahagikan bahagian harta sepencarian kepada pihak isteri.

Boleh dikatakan kesemua negeri di Malaysia menerima harta sepencarian dan membuat peruntukan dalam undang-undang masing-masing.⁽¹⁶⁶⁾

Di Kelantan, dahulunya tuntutan berkenaan dengan harta sepencarian boleh dibuat sebagai perkara biasa di Mahkamah Tinggi, tetapi jika nilai harta itu kurang daripada lima ratus ringgit Mahkamah Tinggi akan menolaknya ke Mahkamah Kadi atau Mahkamah Kadi Besar. Dalam kes *Hajjah Lijah lawan Fatimah*,⁽¹⁶⁷⁾ seorang balu menuntut sebahagian daripada tanah yang didaftarkan di dalam mukim atas nama suaminya yang telah meninggal sebagai harta sepencarian. Telah dibuktikan bahawa sebelum perkahwinan itu dia ada memiliki tanah yang tertentu. Suaminya tidak memiliki sebarang tanah. Kedua-duanya mengerjakan dan mengusahakan tanah perempuan itu dan dari pendapatan dari tanah itu mereka membeli tanah lagi dan sekali lagi tanah itu diusahakan oleh

mereka berdua. Hakim Briggs memberikan janda itu separuh bahagian tanah itu sebagai harta sepencariannya.

Enakmen Keluarga Islam di Kelantan,⁽¹⁶⁸⁾ Kedah,⁽¹⁶⁹⁾ dan Wilayah Persekutuan⁽¹⁷⁰⁾ memperuntukkan:

(1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila menbenarkan lafaz talaq atau apabila membuat sesuatu perintah perceraian, memerintah supaya harta sepencarian yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana harta itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen kecil(1) dari seksyen ini, Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang:

- (a) Setakat mana sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta atau kerja bagi memperolehi harta-harta itu.
- (b) Apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi usaha bersama mereka, dan
- (c) Keperluan anak-anak yang belum dewasa jika ada, dari perkahwinan itu, dan tertakluk kepada pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah dengan seberapa boleh, membuat pembahagian yang saksama mengikut usaha atau modal masing-masing.

3.3.2.3.2.3.3 Material Yang Patut Dituntut

Mengenai material yang menjadi tuntutan harta sepencarian, pada suatu ketika dahulu hanyalah pada harta hasil mahsul pertanian sahaja seperti pada kes *Re Elang, Re Kulup Degor dan Lebar lawan Niat*, Hakim E.N. Taylor berkata:

"Di kampung-kampung di Sungai Perak, harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan adalah dibahagikan antara pihak-pihak masa percerai atau ketika kematian mana-mana pihak, jika perempuan turut serta bercucuk tanam, dia boleh menerima separuh dari harta dan jika tidak ia menerima bahagian yang lebih kecil".⁽¹⁷¹⁾

Namun begitu kini pembahagian harta sepencarian merangkumi semua harta yang diperolehi dalam masa perkahwinan, seperti rumah, tanah dan lain-lain harta. Ini dapat dilihat pada kes *Rokiah lawan Mohamed Idris*⁽¹⁷²⁾ iaitu pembahagian harta sepencarian ke atas tanah, rumah, pelaburan Amanah Saham Nasional dan wang simpanan dalam bank.

Tuntutan harta sepencarian boleh juga dibuat ke atas peralatan rumah dan lain-lain, sebagaimana pada kes *Bidah lawan Ab.Ghani*.⁽¹⁷³⁾ Iaitu tuntutan harta sepencarian ke atas binatang ternakan hingga kepada tikar getah dan lain-lain.

3.3.2.3.2.3.4. Pengendalian Tuntutan Harta Sepencarian

Melihat kes-kes tuntutan harta ini yang dibicarakan di Mahkamah, Mahkamah Syari'ah cenderung menilainya dari perspektif undang-undang Islam yang juga mengi'tiraf adat kelaziman (*'urf*) yang tidak bercanggah dengan hukum syara', malah dari segi praktiknya, mahkamah tidak terlalu bergantung kepada peruntukan bertulis yang dibuat. Dengan lain perkataan, apabila berlaku kesamaran dalam mentafsirkan statut (*undang-undang*), rujukan kepada hukum Syara' menjadi keutamaan daripada statut atau langsung meruju' kepada budibicara mahkamah sekira-kira keadilan boleh tercapai dalam pembahagian yang ditentukan bagi pasangan yang bertikai itu.

Sebenarnya, apa yang menjadi pertimbangan Mahkamah di dalam menentukan kadar pembahagian harta ialah elemen sumbangan pihak-pihak yang bertikai. Mahkamah mengambil kira usaha dan takat sumbangan oleh pihak-pihak itu dalam memperolehi harta-harta yang dipertikaikan itu. Sehubungan itu, Mahkamah juga mengi'tiraf sumbangan secara tidak langsung yang dibuat oleh salah satu pihak. Tetapi, lazimnya ia dikaitkan dengan sumbangan secara tidak langsung oleh pihak isteri dan bukan pihak suami. Dalam hal ini, biasanya pihak isteri tidak akan mendapat separuh dari harta-harta yang dithabitkan oleh Mahkamah sebagai harta sepencarian melainkan jika sekiranya usaha pihak isteri itu melebihi usaha suami dalam mendapatkan harta yang dipertikaikan itu. Pun begitu, hakikatnya pembahagian harta sepencarian bagi isteri yang tidak mempunyai apa-apa profesion di luar rumah kecuali menguruskan rumahtangga

dan anak-anak sepenuh masa, biasanya hanya mendapat 1/8 atau 1/3 dan seumpamanya. Ia hanya berasaskan budibicara atau ihsan Mahkamah untuk menimbangkan kelangsungan hidup yang mencabar dan membina keyakinan diri sebagai seorang yang bebas dari ikatan suami isteri.

Dari segi prosedurnya, sebelum tuntutan dibuat, pihak-pihak yang bertikai perlu memastikan bahawa perkahwinan mereka itu sah menurut hukum Syara' dan didaftarkan di tempat mereka bermastautin mengikut peruntukan yang ditetapkan di dalam undang-undang negeri. Pihak yang menuntut juga perlu membuktikan bahawa harta yang dipertikaikan itu benar-benar wujud dan ia diperoleh dalam tempoh perkahwinan mereka. Bagaimanapun, harta-harta yang diperoleh sebelum perkahwinan disebut sebagai harta bawaan tidak boleh dituntut sebagai harta sepencarian melainkan harta-harta itu dikembangkan dalam tempoh perkahwinan itu, dan Mahkamah hanya boleh menthabitkan harta demikian sebagai harta sepencarian atas usaha dan sumbangan pihak-pihak itu mengembangkan harta mereka, dan tidaklah menjelaskan kedudukan dan nilai asal harta bawaan itu.

Dari segi prosedur, setiap pihak diberi hak untuk menuntut harta di Mahkamah Syariah pada bila-bila masa asalkan perceraian telah berlaku samada perceraian hidup atau mati salah satu pasangan. Jika salah satu pasangan meninggal dunia, pihak yang masih hidup atau waris si mati boleh menuntut harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan pasangan itu. Cuma pasangan yang masih hidup boleh menuntut harta sepencarian mereka sebelum dibahagi

mengikut pembahagian harta pusaka yang juga akan dibahagikan kepada yang masih hidup termasuk anak dan waris-waris lain pihak si mati.

Pada konsepnya, tindakan untuk membahagikan harta sepencarian terlebih dahulu tidaklah bertentangan dengan ketetapan hukum di dalam al-Quran yang menjelaskan waris-waris si mati yang berhak mendapat pembahagian harta peninggalan si mati (suami atau isteri). Dalam hubungan ini, meskipun al-Quran hanya menjelaskan bahawa waris si mati berhak mendapat pembahagian harta pusaka setelah ditolak berkaitan wasiat dan hutang piutang si mati, tetapi tidak menyebut soal pembahagian harta sepencarian, namun ini tidaklah menjelaskan pembahagian harta sepencarian..

Sebenarnya, pembahagian harta jika si mati ada meninggalkan harta yang jelas miliknya. Persoalan hanya akan berbangkit jika harta yang ditinggalkan si mati tidak jelas, di mana pihak yang masih hidup masih mengekalkan dakwaan hak milik harta yang ditinggalkan itu. Sehubungan itu, apa yang dijelaskan di dalam al-Quran tentang pembahagian harta peninggalan si mati ialah harta itu memang jelas menjadi hak miliknya yang tidak dipertikaikan oleh pihak yang masih hidup. Malah al-Quran menyebut soal wasiat dan hutang piutang si mati kerana ia bersangkut paut dengan hak orang lain yang perlu ditunai atau dijelaskan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, persoalan tentang pembahagian harta sepencarian adalah tidak berbangkit jika kedua-dua pasangan (suami dan isteri) meninggal dunia di mana harta yang ditinggalkan itu tetap dianggap sebagai harta pusaka mereka berdua.

Enakmen juga menetapkan tempoh tuntutan boleh dibuat di Mahkamah sebaik sahaja berlaku perceraian hidup atau mati. Apa yang penting di sini ialah pihak pemohon perlu mengemukakan beban bukti kepada Mahkamah yang harta-harta itu diperoleh dalam tempoh perkahwinan mereka dan takat sumbangannya dalam memperoleh harta-harta itu.

Tuntutan harta sepencarian perlu dibuat di peringkat Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa-bidangkuasa tertentu. Biasanya jika harta sepencarian yang dituntut dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah, pemohon dikehendaki menyediakan penyata tuntutan berasingan daripada tuntutan-tuntutan lain. Ini bagi memudahkan pihak Mahkamah membuat penelitian khusus terhadap fakta dan beban bukti pemohon.

Pada konsepnya, dokumen bertulis yang menunjukkan tuan punya pemilik suatu harta itu bukanlah bermakna menjadi asas anggapan bahawa harta yang dipertikaikan itu menjadi milik mutlak kepada penama di dalam dokumen itu. Ini kerana penama itu masih boleh disifatkan sebagai pengurus harta dan bukan pemilik ataupun harta itu menjadi harta bersama berdasarkan kepada faktor usaha dan sumbangan pihak yang satu lagi dalam memperoleh harta-harta itu. Sebab itu di dalam undang-undang Keterangan Islam, konsep “bayyinah” menjadi kaedah penting dalam menentukan samada pihak yang satu lagi ada menyumbangkan apa-apa usaha dalam memperoleh harta-harta itu atau sebaliknya. Ini bermakna

saksi juga memain peranan dalam membantu Mahkamah untuk menegakkan keadilan. Di dalam hal ketiadaan bukti kukuh, alternatif terakhir yang dipakai adalah dengan menggunakan kaedah sumpah. Sumpah hanya boleh digunakan apabila pihak pemohon (plaintif) mengkehendaki pihak yang kena tuntut bersumpah. Ini kerana sumpah pada asalnya merupakan hak pihak yang memohon dan bukannya Mahkamah atau pihak yang kena tuntut (defenden). Mengikut amalannya di Malaysia, jika defenden enggan bersumpah setelah diminta sumpah oleh Mahkamah, maka Mahkamah meminta plaintiff bersumpah di mana akan memberi kesan samada tuntutan itu ditolak atau diterima.

Menggunakan sumpah, sebenarnya adalah merupakan kaedah yang lemah kerana ia tidak terpakai apabila didapati ada bukti-bukti lain yang lebih berautoriti. Mahkamah biasanya akan menthabitkan tuntutan berdasarkan bukti-bukti yang nyata.

Mahkamah Syariah biasanya akan menentukan kadar pembahagian mengikut budibicaranya dengan mengambilkira kedudukan pihak-pihak yang bertikai itu sekira-kira keadilan boleh tercapai.

Undang-undang yang dibuat bukanlah bertujuan mendidik masyarakat supaya setiap pertikaian yang timbul perlu diselesaikan di Mahkamah, malah statut yang ada hanyalah merupakan satu peng'tirafan adat selaras dengan kehendak hukum Syara'.

Tegasnya, bagi meminimumkan tuntutan-tuntutan harta ini di Mahkamah, sifat tolak ansur di antara pihak-pihak dalam pertikaian itu perlu dijadikan asas dalam membina kerukunan keluarga meskipun setelah berlaku perceraian. Pihak-pihak yang berkait harus memahami bahawa menurut prinsip pemilikan harta di dalam Islam, harta pada hakikatnya merupakan amanah Allah dan bukanlah milik mutlak individu. Manusia hanya dibenar mengurus dan megembang serta diberi peluang megambil manfaat daripada harta-harta itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pemilik mutlaknya iaitu Allah.⁽¹⁷⁴⁾

3.3.2.3.2.4 Hak Mendapat Nafkah Iddah dan Tempat Tinggal.

Hak seorang isteri yang diceraikan terhadap nafkah iddah ini diperuntukkan di dalam Enakmen Keluarga Islam 1983. Diperuntukkan bahawa:
(175)

“Tertakluk kepada hukum syara’, Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.”

Peruntukan ini memberi hak kepada bekas isteri untuk menuntut nafkah iddah dengan memohon kepada Mahkamah supaya memerintahkan bekas suaminya membayar nafkah tersebut. Ia termasuk juga nafkah ‘iddah mengandung.

Dalam kes *Zainuddin lawan Anita*⁽¹⁷⁶⁾ isteri yang diceraikan telah menuntut nafkah iddah berjumlah RM 1,500.00 dengan kadar RM500.00 sebulan. Bagaimanapun Mahkamah memutuskan suami berkenaan dikehendaki membayar RM900.00 sebagai nafkah iddah. Begitu juga dalam kes *Wan Hasnah lawan Sudin*,⁽¹⁷⁷⁾ isteri yang diceraikan telah menuntut nafkah iddah sebanyak RM200.00. Malangnya suami berkenaan hanya mampu untuk membayar RM120.00 sahaja. Oleh itu Mahkamah telah memerintahkan suami membayar nafkah iddah sebanyak RM 120.00. Kedua-dua kes ini, jelas menunjukkan bahawa, Mahkamah mengambil kira latar belakang kemampuan suami dari segi kewangan apabila menetapkan bayaran sebagai nafkah iddah. Kaedah ini sama dalam menetapkan kadar bayaran nafkah kepada isteri.

Sebagai tambahan kepada nafkah iddah, seseorang isteri yang telah diceraikan berhak mendapat nafkah sementara.⁽¹⁷⁸⁾ Oleh kerana nafkah tersebut bertujuan untuk membantu hidup isteri berkenaan, ia mestilah mencukupi untuk tujuan-tujuan keperluan asasnya.⁽¹⁷⁹⁾

Selain nafkah, Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 juga memperuntukkan hak bekas isteri untuk mendapat tempat tinggal. Peruntukannya menyebutkan :⁽¹⁸⁰⁾

“Seseorang perempuan yang diceraikan ada hak tinggal di rumah di mana ia tinggal semasa masih menjadi seorang isteri kepada suaminya yang terakhir selama bekas suaminya yang terakhir itu tidak berjaya mendapatkan satu tempat tinggal yang munasabah

untuknya sehingga berakhir tempoh jagaan anak mereka atau berakhir tempoh iddahnya mengikut mana yang terkemudian, selepas itu bekas suaminya itu berhak mengambil balik rumah tersebut melalui tuntutan di Mahkamah..”

Jika dilihat dari apa yang diperuntukkan itu, peruntukannya hanyalah secara umum iaitu dengan menyebut bekas isteri. Pada zahirnya, peruntukan itu memberikan hak kepada semua isteri yang diceraikan. Tidak kira dalam keadaan mana sekalipun dia diceraikan, sama ada dengan Talaq Raj'i (talaq yang boleh diruju' dengan lafaz-lafaz tertentu setelah talaq dijatuhkan baru sekali atau dua kali) atau Talaq Bain (talaq yang tidak boleh diruju' lagi setelah talaq itu dijatuhkan tiga kali) atau Talaq al-Battah (talaq yang dijatuhkan untuk selamanya dan tidak diruju' lagi) atau hamil.

Walau bagaimanapun dari segi praktiknya, nafkah iddah dan tempat tinggal itu diberikan menurut apa yang ditetapkan oleh syara' iaitu kepada wanita yang dalam iddah kerana Talaq Raj'i.

Nampaknya peruntukan dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 Seksyen 48 (1) dan Seksyen 58 (1) yang memperuntukkan nafkah iddah dan tempat tinggal kepada wanita yang diceraikan adalah mengambil pendapat Madhhab Hanafi terutamanya dalam soal memberi nafkah dan tempat tinggal kepada al-Mabtutah.

Sesungguhnya penetapan hak ini yang telah ditetapkan oleh undang-undang Islam dan yang diperuntukkan oleh Enakmen Keluarga Islam Kelantan khususnya kepada bekas isteri atau janda adalah untuk menampung perbelanjaan hidupnya semasa dalam iddah. Begitu juga dengan tempat tinggal yang disediakan. Ia boleh dijadikan tempat berteduh buat sementara waktu.

Nafkah yang diberikan itu tertakluk kepada isteri tidak melakukan penzinaan dan meninggalkan rumah tanpa sebab.

Berkaitan dengan ini Enakmen Keluarga Islam Kelantan memperuntukkan:⁽¹⁸¹⁾

"Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada bekas suaminya di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh iddah atau apabila isteri itu hidup dalam perzinaan dengan orang lain, mengikut mana yang lebih awal."

Sebagaimana yang diperuntukkan bahawa seorang isteri yang telah diceraikan berhak menetap di rumah selama tempoh iddah belum tamat. Ia adalah merupakan tanggungjawab seorang isteri yang diceraikan, tetapi apa yang terjadi ia sering tidak dipedulikan oleh isteri atau suami atau keluarga masing-masing terutamanya keluarga isteri. Keegoan, kecuaian, ketidakpedulian dan ketidakprihatinan isteri dalam perkara ini menyebabkan isteri dinafikan haknya.

3.3.2.3.2.5 Hak Ruju'.

Selepas sesuatu talaq raj'i jika ruju' berlaku dengan persetujuan bersama, pihak suami atau isteri hendaklah melaporkan hal itu kepada Pendaftar bagi qaryah masjid di mana tempat mereka bermustautin.⁽¹⁸²⁾ Jika ruju' itu tidak dilaporkan maka ia merupakan satu kesalahan yang boleh dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau keduanya sekali.⁽¹⁸³⁾ Jika talaq raj'i telah berlaku tanpa diketahui oleh isteri, suami tidak boleh meminta isteri meruju' semula tanpa menzahirkan kepadanya hal perceraian itu.⁽¹⁸⁴⁾ Jika isteri menolak untuk diruju' dan menunjukkan sebab-sebab yang baik mengikut sayra', Mahkamah hendaklah melantik satu jawatankuasa pendamai.⁽¹⁸⁵⁾

Jika berlaku ruju' tanpa persetujuan isteri maka Enakmen Kelantan memperuntukkan:

"Seseorang suami yang melafazkan ruju' dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada isterinya adalah bersalah atas suatu kesalahan yang boleh apabila dithabitkan dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau keduanya sekali".⁽¹⁸⁶⁾

Begitulah peruntukan hak ruju' yang tetap membela wanita yang diceraikan.

3.3.2.3.2.6 Hak Menuntut Nafkah Anak.

3.3.2.3.2.6.1 Peruntukan Nafkah

Berhubung dengannya Enakmen Keluarga Islam Kelantan memperuntukkan:⁽¹⁸⁷⁾

“Menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, samada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya dengan membayar kosnya”.

Selanjutnya Enakmen 1983 memperuntukkan:⁽¹⁸⁸⁾

“Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah mengikut hukum syara’ untuk faedah anaknya:

- (a) Jika ia telah enggan atau cuai mengadakan peruntukan yang munasabah bagi anaknya itu.*
- (b) Jika ia telah meninggal langsung isteri dan anaknya itu adalah dalam jagaan isterinya.*
- (c) Dalam masa menanti keputusan sesuatu pembicaraan hal ehwal suami isteri.*

Dengan adanya kuasa mahkamah ini, maka isteri berhak memohon kepada Mahkamah supaya diperintahkan suaminya membayar nafkah untuk anak-anaknya.

Hak untuk mendapatkan nafkah anak akan tamat apabila anak itu mencapai umur baligh dan berdikari kecuali :⁽¹⁸⁹⁾

- (a) “Jika sesuatu perintah mengenai nafkah seseorang anak dinyatakan sebagai selama tempoh yang lebih singkat, atau,*
- (b) Jika sesuatu perintah itu dibuat untuk:*
 - (i) Seorang anak perempuan yang belum berkahwin, atau yang oleh sesuatu sebab hilang upaya dari segi otak, jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya, atau*
 - (ii) Seorang anak lelaki yang ole sesuatu sebab hilang upaya dari segi otak atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya”.*

Nafkah ini juga boleh dilanjutkan melalui pemohonan di Mahkamah bagi tujuan membolehkan anak itu melanjutkan pelajarannya. (190)

3.3.2.3.2.6.2. Tuntutan Nafkah

Sesuatu tuntutan untuk mendapatkan nafkah hendaklah dikemukakan kepada mahkamah oleh pemohon yang menjaga anak atau melalui peguamnya. Tuntutan hendaklah disertakan dengan surat nikah kedua ibu bapa, sijil kelahiran anak serta butir-butir tentang pendapatan atau pekerjaan bapa di samping dikemukakan jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak menuntut bagi penyaraan anak.

Peruntukan ini memberikan kebaikan kepada anak-anak dan menjamin masa depan mereka. Mereka memerlukan perbelanjaan untuk diri mereka dan untuk meneruskan pengajian mereka sebelum mereka boleh berdikari.

Peruntukan-peruntukan itu juga dapat melindungi isteri dari hidup dalam keadaan kesempitan kerana bagi isteri yang tidak mempunyai sumber kewangan untuk menanggung perbelanjaan anak-anaknya, terpaksa mencari rezeki walau dengan apa cara sekalipun. Dengan adanya hak untuk menuntut nafkah anaknya di Mahkamah, ia dapat meringankan beban kehidupannya.

Peruntukan nafkah yang wajib diberikan oleh bapa ialah apa yang munasabah dengan mengambil kira kemampuan dan taraf kehidupan bapa. Ini

bermakna bahawa apa yang munasabah atau berpatut merupakan faktor utama dalam pentaksiran jumlah nafkah yang patut diberikan kepada anak.

Dalam kes *Rubiah bt. Harun lawan Mohd. Noor bin Yusof*⁽¹⁹¹⁾ yang menuntut dan yang kena tuntut telah berkahwin pada 16 Jun 1977. Hasil dari perkahwinan itu mereka dikurniakan empat orang anak. Dua orang anak lelaki dan dua orang perempuan berusia 19, 17, 12, dan 11 tahun.

Pada 18 Disember 1997 yang kena tuntut telah menceraikan yang menuntut dengan talaq satu. Kesemua anak berada dalam jagaan yang menuntut. Selepas bercerai, yang kena tuntut tidak memberi apa-apa nafkah kepada anak-anaknya yang berada dalam jagaan yang menuntut.

Oleh yang demikian, yang menuntut mohon agar Mahkamah mengeluarkan perintah seperti berikut:

Memerintah dan memfardukan ke atas yang kena tuntut membayar nafkah anak nombor 3 dan 4 sebanyak RM150.00 seorang berjumlah RM300.00 sebulan atau pada satu kadar yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah mengikut seksyen 60 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, dan mengarahkan majikan yang kena tuntut menahan pendapatan yang kena tuntut.

Satu keputusan telah dicatatkan pada 6 Oktober 1998 bahawa yang kena tuntut dikehendaki memberi kepada yang menuntut bagi nafkah dua orang anak yang dituntut. Tiap-tiap seorang sebanyak RM75.00 sebulan. Jumlah dua orang anak sebanyak RM150.00 sebulan, pada tiap-tiap bulan mulai hari ini hingga anak

'akil baligh dan berdikari atau apa-apa perintah yang lain dari Mahkamah melalui Mahkamah ini.

Contoh kes di atas menunjukkan Mahkamah Syariah menjamin nafkah anak dibayar mengikut kemampuan bapa, butir-butir tentang pendapatan atau pekerjaan bapa di samping dikemukakan jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak menuntut bagi penyaraan anak.

Pertikaian yang seringkali timbul ialah tentang jumlah atau kadar nafkah. Lazimnya pihak menuntut tidak bersetuju dengan jumlah yang ditawarkan oleh pihak kena tuntut, dan pihak kena tuntut pula biasanya menawarkan jumlah yang rendah. Dalam keadaan ini, Mahkamah biasanya menentukan kadar yang munasabah berdasarkan kepada kemampuan dan keperluan pihak-pihak yang bertikai itu.⁽¹⁹²⁾ Sehubungan itu, keterangan daripada kedua-dua belah pihak itu adalah penting yang akan mempengaruhi Mahkamah membuat keputusan.⁽¹⁹³⁾ Mahkamah lazimnya akan memberi pertimbangan wajar terhadap kepentingan masa depan anak termasuk perbelanjaan persekolahan, penjagaan kesihatan(rawatan perubatan)⁽¹⁹⁴⁾ dan sebagainya.

Undang-undang Keluarga Islam juga membuat peruntukan bahawa nafkah anak yang telah tertunggak boleh dituntut di Mahkamah. Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah supaya bapa atau seseorang yang bertanggungan itu membayar tunggakan itu.⁽¹⁹⁵⁾

Kecuaian atau kedegilan bapa untuk memberi nafkah kepada anak-anak biasanya akan mendatangkan mudarat kepada anak-anak terutamanya dari segi persediaan untuk biaya persekolahannya dan apatah lagi dari segi kasih sayang apabila suami dan isteri bercerai meskipun hakikatnya kewajipan bapa memberi nafkah serta perhubungannya dengan anak-anak tetap berterusan sampai bila-bila. Sehubungan itu, undang-undang keluarga Islam memberi kuasa kepada mahkamah mengeluarkan perintah nafkah sementara dalam tempoh permohonan nafkah atau lainnya belum dibuat atau dalam proses tuntutan/perbicaraan bagi melindungi kaum isteri dan anak-anak dalam perkahwinan itu. Perintah sementara itu akan terus berkuatkuasa sehinggalah perintah mahkamah dibuat di atas permohonan nafkah itu. Mahkamah juga akan mengambil kira atau menyelaras pembayaran nafkah sementara itu dari jumlah tuntutan nafkah yang diperintahkan dibayar di bawah perintah nafkah sebenar.⁽¹⁹⁶⁾

Undang-undang Keluarga Islam juga memberi bidangkuasa kepada Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah potongan gaji terhadap bapa dengan membayar kepada pihak menuntut sejumlah amaun yang diperintahkan oleh mahkamah.⁽¹⁹⁷⁾ Begitupun, peruntukan ini lazimnya digunakan ke atas bapa yang cuai atau enggan memberi nafkah jika dia mempunyai pekerjaan tetap dan bermajikan.

Jika bapa tersebut gagal atau sengaja tidak mematuhi perintah tersebut, beliau boleh diperintahkan sekali lagi untuk membayar jumlah nafkah yang

tertunggak itu. Selain itu, mahkamah juga boleh mengarahkan amaun yang dibayar itu dilevi sebagai denda (jika perlu) atau boleh menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi sebulan bagi setiap bayaran bulanan yang masih belum dibayar jika perintah tiap-tiap bulan itu tidak dipatuhi.⁽¹⁹⁸⁾

Dalam keadaan lain, mahkamah diberi kuasa yang agak luas sehingga boleh memerintahkan apa-apa aset yang dimiliki oleh orang yang diperintahkan itu dijadikan sebagai cagaran bagi tujuan nafkah semata-mata bagi melindungi dan menentukan kebijakan kanak-kanak itu terjamin. Dengan perkataan lain, pihak yang mempunyai kepentingan boleh memohon kepada mahkamah bagi pembayaran nafkah untuk faedah seseorang anak memerintahkan orang yang bertanggungan itu membayar nafkah itu supaya memberi cagaran bagi kesemua atau sebahagian daripadanya dengan meletak hak apa-apa harta kepada pemegang-pemegang amanah dengan amanah supaya melaluinya dapat dibayar nafkah itu atau sebahagiannya daripada pendapatan harta itu. Kemungkinan pihak-pihak yang bertanggungan mematuhi perintah ini boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan terhadap mahkamah.⁽¹⁹⁹⁾

Sesungguhnya realiti yang berlaku soal perpindahan kewajipan memberi nafkah kepada waris atau kaum kerabat yang terdekat biasanya tidak diambil perhatian yang serius oleh masyarakat Islam di Malaysia. Hatta, permohonan supaya mahkamah memerintahkan mereka yang bertanggungan itu amat jarang sekali berlaku. Malah, sikap dan pengetahuan tuntutan agama mengenainya juga

masih jauh dari dihayati. Apa yang biasa didengari ialah anak-anak hidup melarat atau sekurang-kurangnya diletakkan di rumah-rumah kebajikan tanpa mendapat perhatian daripada waris-waris terdekat, yang sepatutnya menjadi kewajipan mereka sebagaimana yang dituntut oleh hukum syara'. Undang-undang Keluarga Islam juga tidak memperuntukkan kuasa Mahkamah Syariah untuk memerintahkan Baitulmal negeri-negeri supaya mengambil alih penyaraan atau nafkah kanak-kanak yang tidak mempunyai waris atau ada waris tetapi tidak mempunyai kemampuan menanggung mereka. Undang-undang hanya menyebut :

"Seseorang yang bertanggungan di bawah hukum syara' ⁽²⁰⁰⁾ dan tidak meruju' kepada agensi atau badan tertentu. Walau bagaimanapun, mengikut amalannya pihak berkuasa termasuk pihak berkuasa agama negeri biasanya akan membantu kanak-kanak tersebut secara langsung atau dengan memanfaatkan pusat-pusat penempatan yang dibiayai melalui kutipan zakat (Baitulmal) atau derma orang ramai bagi menyara atau membayai pelajaran atau kemahiran bagi memastikan masa depan mereka terjamin sebagaimana sewajarnya".

3.3.2.3.2.7 Hak Hadanah

3.3.2.3.2.7.1 Peruntukan Hadanah

Enakmen Keluarga Islam Kelantan,⁽²⁰¹⁾ Wilayah Persekutuan⁽²⁰²⁾ dan Kedah⁽²⁰³⁾ telah membuat satu peruntukan khas berhubung dengan hadanah. Di dalamnya disenaraikan perkara-perkara berikut, antaranya mengenai orang-orang yang berhak menjaga kanak-kanak, kelayakan yang perlu untuk penjagaan, bagaimana hak penjagaan hilang, tempoh penjagaan, penjagaan anak tak sah taraf (anak luar nikah), hak kuasa bagi penjaga yang dilantik oleh mahkamah, penjaga boleh menanggung kanak-kanak dari pendapatan, penjaga bagi anak-anak yatim dan kuasa Mahkamah untuk menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia.

Enakmen Keluarga Islam Kelantan,⁽²⁰⁴⁾ Wilayah Persekutuan⁽²⁰⁵⁾ dan Kedah⁽²⁰⁶⁾ memperuntukkan:

“ Bahawa ibu adalah orang yang paling berhak untuk menjaga anaknya selagi ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan. Tetapi jika mahkamah berpendapat bahawa ibu telah hilang kelayakan di bawah hukum syara’ dari mempunyai hak terhadap hadanah maka hak itu akan berpindah kepada salah seorang yang berikut menurut susunan keutamaan di bawah:

- a. *neneh sebelah ibu hingga ke atas;*
- b. *bapa;*
- c. *neneh sebelah bapa hingga ke atas;*
- d. *saudara perempuan seibu sebapa;*
- e. *saudara perempuan seibu;*
- f. *saudara perempuan sebapa;*
- g. *anak perempuan dari saudara perempuan seibu sebapa;*
- h. *anak perempuan dari saudara perempuan seibu;*
- i. *anak perempuan dari saudara perempuan sebapa;*

- j. emak saudara sebelah ibu;
- k. emak saudara sebelah bapa;
- l. waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai asabah.⁽²⁰⁷⁾

Jika ada beberapa orang dari keturunan atau pangkat yang sama dan semuanya sama berkelayakan dan bersetuju menjaga anak itu hadanah hendaklah diamanahkan kepada orang-orang yang mempunyai sifat yang paling mulia dan menunjukkan perasaan paling kasih sayang kepada anak itu dan jika kesemuanya sama mempunyai sifat-sifat kemuliaan dan menunjukkan perasaan paling kasih sayang maka yang tertua di antara mereka berhak mendapat keutamaan.⁽²⁰⁸⁾

Diperuntukkan,⁽²⁰⁹⁾ juga:

"Tiada seorang lelaki berhak terhadap penjagaan seorang kanak-kanak perempuan melainkan lelaki itu ialah seorang muhrim, yang mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu dalam sifat dia dilarang berkahwin dengannya".

Untuk melayakkan seorang perempuan itu mendapat hak hadanah yang diperuntukkan dia mestilah memenuhi syarat-syarat berikut :⁽²¹⁰⁾

- a. dia adalah seorang Islam;
- b. sempurna akal;
- c. dalam umur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak berkenaan jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan;
- d. berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- e. tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak akan menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak dan jasmani.

Hak penjagaan seorang perempuan hilang : ⁽²¹¹⁾

- a. *Jika perempuan itu berkahwin dengan seorang lelaki yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu. Dengan syarat penjagaannya menyentuh maslahat kanak-kanak itu dan hak terhadap hadanah adalah kembali semula apabila perkahwinan itu dibubarkan;*
- b. *Jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;*
- c. *Jika perempuan itu menukar permastautinnya dengan tujuan untuk mencegah bapa kanak-kanak itu menjalankan pengawasan yang perlu ke atas kanak-kanak itu: dengan syarat bahawa seseorang perempuan yang bercerai mengambil anaknya sendiri ke tempat lahir perempuan itu;*
- d. *Jika perempuan itu murtad;*
- e. *Jika perempuan itu mencuaikan atas menganiayai kanak-kanak itu.*

Hak hadanah bagi menjaga seorang kanak-kanak adalah tamat setelah kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki dan umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu perempuan: Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh, atas permohonan hadanah membenarkan ia menjaga kanak-kanak itu sehingga kanak-kanak itu mencapai umur sembilan tahun, jika kanak-kanak itu lelaki dan umur sebelas tahun, jika kanak-kanak itu perempuan. ⁽²¹²⁾

Penjagaan kemudian daripada itu berpindah kepada bapa jika kanak-kanak itu telah mumaiyyiz maka kanak-kanak itu adalah berhak memilih untuk tinggal dengan samada ibu atau bapanya melainkan Mahkamah memutuskan selainnya. ⁽²¹³⁾

Jika ada hal atau keadaan luar biasa yang menyebabkan berlaku perkara yang tidak diingini atas kanak-kanak berkenaan sewaktu berada di bawah jagaan

seorang daripada orang-orang tersebut dalam Seksyen 70(2), 81(2), 69(2), maka Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan perintah memilih untuk meletakkan kanak-kanak berkenaan pada salah seorang lain dalam senarai itu atau mana-mana persatuan yang tujuannya adalah termasuk dalam hal kebajikan kanak-kanak itu.⁽²¹⁴⁾

Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah kanak-kanak patut diletakkan, pertimbangan yang utama ialah kebajikan anak-anak itu. Tertakluk kepada pertimbangan itu, mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada :⁽²¹⁵⁾

- a. kemahuan-kemahuan ibu bapa kanak-kanak itu; dan
- b. kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu, jika dia telah meningkat umur dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri.

Adalah menjadi suatu anggapan yang boleh dipatahkan bahawa untuk kebaikan, seseorang kanak-kanak dalam masa ia kecil supaya berada bersama ibunya. Tetapi pada memutuskan samada anggapan yang dipakai bagi fakta-fakta suatu kes tertentu, mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada tidak baiknya mengganggu kehidupan seorang kanak-kanak dengan bertukar-tukar jagaan.⁽²¹⁶⁾

Jika ada dua orang atau lebih kanak-kanak dari sesuatu perkahwinan, mahkamah tidaklah terikat meletakkan kedua-dua atau kesemuanya dalam jagaan orang yang sama tetapi hendaklah menimbangkan kebajikan tiap-tiap seorangnya secara berasingan.⁽²¹⁷⁾

Sesuatu perintah jagaan boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan oleh mahkamah patut dikenakan, dan tertakluk kepada syarat-syarat itu jika ada, yang dipakai dari semasa ke semasa. Perintah itu tidaklah menghadkan orang yang diberi jagaan itu untuk memutuskan semua soal berhubung dengan pendidikan dan pelajaran kanak-kanak itu.⁽²¹⁸⁾

Sesuatu perintah jagaan boleh : (219)

- a. mengandungi syarat-syarat tentang tempat di mana kanak-kanak itu akan tinggal dan cara pelajarannya;
- b. mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu berada bagi sementara dalam pemeliharaan dan kawalan seseorang yang lain daripada orang yang diberi jagaan itu;
- c. mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu melawat ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan pada masa-masa dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh mahkamah.
- d. memberi ibu atau bapa yang tidak diberi jagaan atau seseorang dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi jagaan, hak untuk berjumpa dengan kanak-kanak itu pada masa-masa dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh mahkamah; atau
- e. melarang orang yang diberi jagaan daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Malaysia.

Diperuntukkan juga hadanah anak-anak tak sah taraf adalah hanya kepada ibu dan saudara mara ibu . (220)

Berhubung dengan penjagaan ini Enakmen ini memperuntukkan bahawa tiada apa juu pun dalam Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 yang berlawanan dengan agama Islam boleh dipakai bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun yang beragama Islam atau pada tarikh kematiannya beragama Islam atau telah beragama Islam.Mengenai mana-mana orang lain, Akta tersebut, setakat mana ia berlawanan dengan agama Islam hendaklah terhenti dipakai baginya

apabila ia menganuti agama Islam jika pada tarikh itu dia telah genap 18 tahun atau jika belum lagi genap umur itu, dia menganuti agama Islam dengan persetujuan orang yang di bawah Akta itu adalah penjaga bagi diri kanak-kanak itu.⁽²²¹⁾

Bagi negeri Selangor,⁽²²²⁾ Perak,⁽²²³⁾ Pulau Pinang,⁽²²⁴⁾ Perlis,⁽²²⁵⁾ Melaka,⁽²²⁶⁾ Negeri Sembilan,⁽²²⁷⁾ dan Pahang⁽²²⁸⁾ diperuntukkan bahawa Mahkamah Kadi Besar hendaklah dalam kuasa malnya memutuskan segala perbicaraan, jika kedua pihak yang dibicarakan itu beragama Islam yang berkenaan dengan nafkah orang yang di bawah tanggungan, anak yang sah, penjaga kanak-kanak atau pemeliharaan kanak-kanak.

Di Johor⁽²²⁹⁾ diperuntukkan, jika berlaku perceraian antara suami isteri, maka anak-anak mereka hendaklah diserahkan bagi hadanah dan pemeliharaan mengikut Hukum Syara' kepada mana-mana pihak yang ditentukan dan diputuskan oleh Mahkamah. Dan sesiapa yang melanggar keputusan mahkamah adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dengan tidak lebih daripada 500 ringgit atau penjara selama tidak lebih daripada 3 bulan atau kedua-duanya sekali. Anak-anak itu hendaklah diserahkan kembali kepada yang berkenaan bagi hadanah dan peliharaannya seperti yang telah diputuskan oleh mahkamah.

Dalam kes *Zaliha bt. Zakaria lawan Rahmat*,⁽²³⁰⁾ tuntutan (Zaliha), membuat tuntutan untuk memelihara anak-anak yang berumur 2 hingga 4 tahun.

Semasa tuntutan ini dibuat anaknya yang berumur 4 tahun berada di bawah jagaan bapanya (yang kena tuntut) dan anak yang berumur 2 tahun berada di bawah jagaannya. Mahkamah kemudiannya memutuskan supaya pihak yang kena tuntut memulangkan kembali anak tersebut kepada yang menuntut kerana anak itu baru berumur 4 tahun dan belum mumayyiz. Pihak menuntut juga diberikan hak jagaan ke atas anaknya yang berumur 2 tahun (meneruskan hadanah anak yang berumur 2 tahun).

Dalam kes *Zahrah bt. Omar lawan Saidon bin Itam*, ⁽²³¹⁾ yang menuntut(Zahrah) dan yang kena tuntut (Saidon), telah berkahwin selama empat tahun dan hasil perkahwinan itu mereka mempunyai seorang anak yang dilahirkan setahun selepas perkahwinan mereka. Mahkamah memutuskan hak hadanah diberi kepada ibunya Zahrah dan hak melihat dan melawat anak diberikan kepada Saidon mengikut keadaan yang sesuai dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Apapun penyelesaian yang dikemukakan, yang penting ialah peruntukan yang ada mestilah berfungsi untuk menyelesaikan persoalan yang timbul mengenai tuntutan hadanah terhadap anak-anak. Dalam membuat penyelesaian kebijakan anak-anak mestilah diutamakan. Kekesan terhadap peruntukan ini hanya boleh diukur apabila ianya dilaksanakan dengan lebih praktikal.

Menyentuh persoalan kebijakan anak-anak, pernah berlaku di Selangor, keputusan Mahkamah Kadi berhubung kes penjagaan anak ini telah dibatalkan

oleh Mahkamah Tinggi iaitu dalam kes *Mariam lawan Mohammad Ariff*.⁽²³²⁾

Dalam keputusannya memberi alasan bahawa Akta Penjagaan Kanak-Kanak tahun 1961, boleh dikenakan ke atas kanak-kanak Islam kerana akta itu tidak bertentangan dengan undang-undang Islam (ditinjau dari sudut bahawa kedua-dua akta dan undang-undang Islam sama-sama mementingkan kebajikan kanak-kanak).

Fakta dalam kes ini ialah Mariam telah diceraikan oleh Mohammad Ariff di hadapan kadi. Semasa perceraian itu, kadi telah merekodkan yang Mariam secara rela memberi hak jagaan dua orang anaknya, seorang perempuan berusia 8 tahun dan seorang lelaki berusia 3 tahun, kepada bapa (Mohammad Ariff). Sesudah itu Mariam, yang telah berkahwin lain dengan lelaki yang tidak ada hubungan dengan kanak-kanak berkenaan, membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapat hak jagaan. Mahkamah telah memutuskan bahawa; memandangkan kepada Perkara 45 (6) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor yang memperuntukkan bahawa tidak ada apa-apa dalam undang-undang itu yang menyentuh bidang kuasa mahkamah awam, maka pihak penuntut berhak membuat tuntutan biarpun perintah dengan kerelaan telah dibuat oleh kadi., dan Mahkamah mempunyai bidang kuasa mendengar tuntutan itu.

Diputuskan juga dalam kes ini bahawa Perkara 5 hingga 11 Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 hendaklah dikenakan kerana tidak ada bukti yang

menunjukkan bahawa peruntukan-peruntukan itu bertentangan dengan agama Islam atau adat Melayu.

Jadi di Malaysia Barat Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961, boleh digunakan ke atas kanak-kanak Islam di bawah umur 18 tahun apabila akta ini diterima oleh Dewan Perundangan Negeri dan peruntukan-peruntukannya tidak mencanggahi agama Islam atau adat Melayu.

Akta Parlimen tahun 1961 ini telahpun diterima oleh kebanyakan negeri-negeri di Malaysia. Menurut akta, bapa kepada kanak-kanak berkenaan pada kebiasaannya hendaklah menjadi penjaga kepada kanak-kanak dan dalam kes kanak-kanak berkenaan tidak mempunyai bapa maka ibu hendaklah menjadi penjaga kanak-kanak dan hartanya. Sekiranya kedua-dua ibu bapa telah meninggal maka penjaga (wasi) yang telah dilantik oleh ibu bapa kanak-kanak berkenaan semasa hidup mereka hendaklah menjadi penjaga kanak-kanak berkenaan itu dan juga hartanya. Tetapi sekiranya tidak ada penjaga yang dilantik, maka mahkamah hendaklah melantik penjaga. Walau bagaimanapun mahkamah mempunyai kuasa untuk menggugurkan mana-mana penjaga, samada ianya ibu bapa kepada kanak-kanak berkenaan atau sebaliknya dan kemudiannya menggantikan dengan orang yang lain. Di dalam melaksanakan kuasanya ini, Mahkamah hendaklah memberi perhatian berat kepada kebijakan kanak-kanak, tetapi jika kanak-kanak berkenaan itu masih mempunyai salah seorang ibu bapa

atau mempunyai kedua-duanya, hendaklah mempertimbangkan kehendak atau keinginan mereka, menurut bagaimana keadaan kes.

Satu persoalan yang boleh ditimbulkan ialah apakah peruntukan Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961, yang meminta hakim-hakim supaya mengambil berat tentang kebijakan kanak-kanak berkenaan, ketika membuat hukuman selaras dengan ketentuan-ketentuan di dalam fiqh atau tidak? Dalam perbincangan di atas didapati ahli-ahli fiqh memberi keutamaan untuk menjaga kanak-kanak kepada garis ibu. Antara alasan yang mereka berikan ialah ibu, ibu-ibu saudara sebelah ibu (khalah) dan keluarga perempuan yang berkaitan dengan ibu adalah secara umumnya lebih sayang dan lebih rapat dengan kanak-kanak jika dibandingkan dengan keluarga daripada garis bapa. Alasan lain yang dipegang oleh mereka ialah adanya hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar di mana Rasulullah s.a.w berkata kepada seorang ibu yang membuat aduan yang anaknya dirampas oleh bekas suaminya, yang bermaksud:

“Kamu lebih berhak daripadanya (bekas suami) selama kamu tidak berkahwin (lain)”.

Pada ahli-ahli fiqh, ibu yang lebih sayang dan lebih sabar dalam urusan menjaga kanak-kanak sudah tentu dapat memberi kebijakan yang lebih kepada kanak-kanak.

Mahkamah Tinggi dalam kes *Mariam lawan Mohammad Ariff* yang disebutkan di atas, dalam keputusannya memberi alasan bahawa Akta Penjagaan Kanak-Kanak tahun 1961, boleh dikenakan ke atas kanak-kanak Islam kerana

akta itu tidak bertentangan dengan undang-undang Islam (ditinjau dari sudut bahawa kedua-dua akta dan undang-undang Islam sama-sama mementingkan kebajikan kanak-kanak).

Mungkin satu perkara yang kurang jelas ialah soal “kebajikan”, iaitu kebajikan yang bagaimana dan apakah ukurannya. Apa yang nyata dalam perbincangan ahli-ahli fiqh ialah soal layanan kepada kanak-kanak dalam urusan makan, minum, tidur, mandi dan keperluan-keperluan biasa yang lain termasuk kasih sayang, yang pada keseluruhannya, membantu perkembangan tubuh badan, rohani dan akal. Soal nafkah dan pendidikan kanak-kanak tidak dibincangkan kerana nafkah dan berbagai bentuknya serta juga pendidikan tetap menjadi tanggungjawab bapa atau wali yang lain yang menggantikan bapa, biarpun anak itu di bawah jagaan ibu.

Peruntukan undang-undang Islam itu nampaknya cuba memelihara supaya kanak-kanak yang ibu bapanya berpisah dapat merasakan kebahagiaan, yang kalaupun tidak sama, hampir sama dengan kebahagiaan kanak-kanak yang ibu bapa mereka tidak berpisah. Kesimpulan seperti ini dibuat berdasarkan yang ibu bapa yang berpisah itu tetap mempunyai hak dan kewajipan masing-masing menurut peringkat umur dan kadar kematangan anak-anak mereka. Peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas penjaga (ibu atau keluarga perempuan sebelah ibu) dan hak serta kewajipan bapa ke atas kanak-kanak itu adalah sebenarnya merupakan satu cara yang mengatur supaya tidak terputus langsung perhubungan dua keluarga ibu dan bapa kepada kanak-kanak berkenaan. Sudut ini jarang sekali

diberi perhatian oleh undang-undang lain, mungkin termasuk juga akta tahun 1961 sehingga menyebabkan kanak-kanak yang menjadi mangsa keruntuhan rumah tangga ibu bapanya selalu merasa tidak puas hati dengan salah seorang daripada ibu bapanya ataupun keluarga mereka.

Biarpun “kebijakan” tidak dinyatakan secara langsung tetapi adanya ketentuan syarat “penjaga” yang ketat yang ditetapkan oleh ahli-ahli fiqh sudah cukup untuk menjaminkan yang kanak-kanak berkenaan akan mendapat “kebijakan” yang sepatutnya dita’rifkan oleh Islam. Antara syarat ketat yang dimaksudkan ialah penjaga tidak fasiq atau hendaklah adil⁽²³³⁾ seperti yang dikatakan oleh Imam Syafi’i. Penjaga yang tidak fasiq sudah tentu dapat mendidik kanak-kanak berkenaan dengan baik seperti yang dikehendaki oleh Islam. Penjaga-penjaga fasiq kerana minum arak atau melakukan apa-apa dosa besar yang lain adalah tidak layak menjadi penjaga. Oleh itu kanak-kanak yang dibawah jagaan mereka mesti dipisah dan diberikan kepada penjaga yang lain.⁽²³⁴⁾ Mungkin perkara ini tidak diambil kira oleh Akta Penjagaan Kanak-Kanak tahun 1961.

Oleh itu, sungguhpun didakwa oleh Akta Penjagaan Kanak-Kanak tahun 1961, tidak bercanggah dengan Undang-undang Islam kerana kedua-duanya mementingkan kebijakan kanak-kanak, tetapi penulis berpendapat akta ini sekurang-kurangnya berlainan daripada ketentuan fiqh dalam dua perkara iaitu:

1. ia tidak memberi keutamaan kepada garis ibu

2. ia tidak melihat sifat peribadi penjaga

Sifat yang dilihat oleh Islam, iaitu seorang yang berakhhlak mulia, tidak melakukan dosa-dosa besar.

Enakmen juga menetapkan kepada kesalahan membiarkan penjagaan anak dengan peruntukan berikut:

“Seseorang yang membiarkan anak atau anak di bawah jagaannya mengikut hukum yara’ adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila dithabitkan, dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada empat bulan atau kedua-duanya sekali”.⁽²³⁵⁾

Peruntukan ini menyebut tentang hak seorang anak untuk mendapat perlindungan penjagaan yang mana adalah menjadi kewajipan sesiapa yang menjadi penjaga tidak membiarkan atau mencuaikan kewajipan tersebut. Mengabaikan penjagaan dengan tidak memberikan pendidikan yang sewajarnya atau apa-apa keperluan yang sepatutnya kepada anak-anak yang di bawah jagaannya akan dikenakan tindakan apabila thabit kesalahannya.

Jika diteliti tiada peruntukan dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan bahkan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan sebarang perlindungan dari kesalahan penderaan fizikal, emosi dan seksual terhadap kanak-kanak. Sesungguhnya peruntukan ini dikira perlu diperuntukkan lebih-lebih lagi perlakuan keganasan terhadap kanak-kanak sentiasa berlaku bahkan semakin berleluasa dewasa ini.

NOTA RUJUKAN

- (1) Wan Husin Azmi (1980), *Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20)*, dalam Tamadun Islam Di Malaysia, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia, hal. 144
- (2) Nik Mahmood bin Ismail, Haji (1962), *Kitab Jografi dan Tarikh Negeri Kelantan*, Kota Bharu, hal.15
- (3) Wan Husin Azmi, (1980), *op. cit*
- (4) Ibn. Batutah (1983), *Rihlah Ibn. Batutah*, Qahirah: Maktab al-Tijariyyah, jil. 2, hal. 157
- (5) Mohd. Husain Khaliee Haji Awang (1971), *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu, Pustaka DIAN Press, hal. 105
- (6) *Ibid.*, hal.92
- (7) Majlis ‘Ulama’, *Surat Fatwa*, tulisan tangan: 17.2.1920
- (8) Pada 23 dan 27 Oktober 2002, Dewan Undangan Negeri Kelantan telah mengisytiharkan suatu Enakmen baru dinamakan Enakmen Keluarga Islam 2002 dan Enakmen Keluarga Islam 1983 telah dimansuhkan.
- (9) Ahmad Ibrahim (1971), *Perundangan Islam di Kelantan*, Seminar Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan, Kota Bharu, Julai 1971, hal. 1
- (10) Abdullah Alwi Haji Hassan (1979), *Development of Administration of Islamic Law in Kelantan*, M. Phil., University of Kent, hal. vii
- (11) *Ibid.*
- (12) Ahmad Ibrahim (1971), *op.cit*, hal 1
- (13) *Ibid.*
- (14) Surah al-Nisa’:ayat 3
- (15) Ahmad Ibrahim (1971), *op.cit*, hal 1
- (16) Abdullah Alwi Haji Hassan (1979), *op.cit*, hal vii
- (17) *Ibid.*
- (18) Kelantan, *Moslem Marriage and Divorce Enactment*, 1938, Sek. 4

- (19) *Ibid.*, Sek 5
- (20) *Ibid.*, Sek 8
- (21) *Ibid.*, Sek 11
- (22) *Ibid.*, Sek 12
- (23) *Ibid.*, Sek 13
- (24) *Ibid.*, Sek 14
- (25) *Ibid.*, Sek 16-20
- (26) Datuk Hj. Muhammad Daud (1999), Ketua Hakim Syar'I Kelantan, 16 Mac 1999.
- (27) Ahmad Ibrahim, (1986), Undang-Undang Keluarga Islam yang Baru (dalam Seminar Perundangan Islam, Kuala Lumpur, 1986), hal. 1.
- (28) *Ibid.*,
- (29) Datuk Hj. Muhammad Daud (1999), *op. cit.*
- (30) *Ibid.*
- (31) Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983, Sek. 8
- (32) *Ibid.*, Sek 10
- (33) *Ibid.*, Sek 12
- (34) *Ibid.*, Sek 13(1)
- (35) *Ibid.*, Sek 13 (1) a,b
- (36) *Ibid.*, Sek 14
- (37) *Ibid.*, Sek 48(1)a
- (38) *Ibid.*, Sek 35(1)(2)(3)
- (39) *Ibid.*, Sek 36
- (40) *Ibid.*, Sek 37
- (41) *Ibid.*, Sek 38
- (42) *Ibid.*, Sek 48(1)c
- (43) *Ibid.*, Sek 44
- (44) *Ibid.*, Sek 45
- (45) *Ibid.*, Sek 46

- (46) *Ibid.*, Sek 57
- (47) *Ibid.*, Sek 58
- (48) *Ibid.*, Sek 59
- (49) *Ibid.*, Sek 70(1)
- (50) *Ibid.*, Sek 101
- (51) *Ibid.*, Sek 102
- (52) *Ibid.*, Sek 104
- (53) *Ibid.*, Sek 107
- (54) *Ibid.*, Sek 108
- (55) *Ibid.*, Sek 109
- (56) *Ibid.*, Sek 112
- (57) *Ibid.*, Sek 35
- (58) Jabatan Kehakiman Syari'ah Kelantan, <http://mammpus/vv.edu.my/mvsypmas/16> April 2000
- (59) *Ibid.*
- (60) *Ibid.*
- (61) *Ibid.*
- (62) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 8
- (63) Akta Undang –Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sek. 15 dan lain-lain
- (64) Al-Badrishi, Muhammad Zakaria (1975), *Al-ahwal Al-Syakhsiyah*, Qahirah, hal.11
- (65) Al-Dasuqi, (t.t), *Hasyiah al-Dasuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*, Mesir:Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah 'Isa al-Halabi Wasyarikah, Jil. 2, hal. 224
- (66) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 19
- (67) Wilayah, *op. cit*, Sek. 23 dan lain-lain
- (68) Kelantan, *op. cit*, Sek. 13 (1)b
- (69) Wilayah, *op.cit.*, Sek. 7 (2)
- (70) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 8

- (71) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 13 (1)
- (72) Enakmen Keluarga Islam Kedah 1984, Sek. 10
- (73) Enakmen Keluarga Islam Wilayan Persekutuan 1984, Sek. 13
- (74) Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, Sek. 11
- (75) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 13 (1) b
- (76) Enakmen Keluarga Islam Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Johor, Sek. 13 (b)
- (77) Akta Undang –Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sek. (Pindaan 1988)
- (78) (1987) J.H. 251
- (79) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, sek. 14
- (80) *Ibid.*, Bahagian permulaan
- (81) Maksud bernilai ialah berharga. Ini termasuk dalam salah satu dari syarat-syarat untuk menjadikan sesuatu item itu sebagai Mahr. Selain dari syarat tersebut, mestilah sesuatu yang suci dan boleh dimanfaatkan dan tidak boleh dari benda-benda yang dicuri. Lihat al-Jaziriy, Abd. al-Rahman, (1990), Kitab al-Fiqh ‘ala al-Madhabib al-Arba’ah, Mesir: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Jil. 4 Hal. 90-100
- (82) *Berita Minggu*, 20 Jun 2004, hal. 20
- (83) (1983), J.H. 28
- (84) *Majalah Muslimah*, September 1995, hal. 23-24.
- (85) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, bahagian Permulaan, hal. 10
- (86) *Ibid.* Sek. 12 (1) dan (2)
- (87) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syar’iyyah Negeri Kelantan 1982, hal. 5
- (88) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 49
- (89) Muhammad Muhy al-Din Abdul Hamid (1958), *al-Ahwal al-Syakhsiyah fi Shari’at al-Islamiyyah*, Mesir, hal. 204
- (90) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 48 (2)
- (91) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sek. 49 (1)
- (92) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 57 (1) dan (2)
- (93) *Ibid.* Sek. 48 (1) a dan b

- (94) *Ibid.* Sek. 102
- (95) *Ibid.* sek. 38f
- (96) (1972) 2J.H
- (97) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 52
- (98) *Ibid.* Sek. 102
- (99) *Ibid.* Sek. 50
- (100) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 104
- (101) *Ibid.* Sek. 108
- (102) *Ibid.* Sek. 109
- (103) Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, Sek. 124
- (104) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sek. 127
- (105) *Majalah Al-Islam* (1996), edisi November, hal. 17-18
- (106) *Berita Harian*, Ruangan Wanita, 30 Julai 1996, hal. 2
- (107) Sabitha Marican, (1989), *Mengapa Isteri Sering Dizalimi*, Mastika, edisi Oktober, hal. 52
- (108) *New Straits Times*, Wednesday, March 27, 1996, hal. 1
- (109) *Utusan Malaysia*, 19 Ogos 1996, hal. 21
- (110) *Berita Harian*, 1 Mac 2004
- (111) Lihat Rasamani Kandiah (1994), *Domestic Violence Act 1994 and Need For a Family Court 10th Malaysian Law Conference*, Bar Council of Malaysia, 28-30 November, hal. 1
- (112) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 38 (F)
- (113) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sek. 52 (h)
- (114) Kanun, Jurnal Undang-Undang Malaysia (1993) hal. 163
- (115) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 37 (1)
- (116) *Ibid.* Sek. 37 (2)
- (117) (1970)3 J.H 120
- (118) (1975)3 J.H 84
- (119) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 113 (2)

- (120) *Ibid.* Sek. 107
- (121) *Ibid.* Sek. 108
- (122) *Ibid.* Sek. 109
- (123) Noor Aziah Hj. Awal (1991), *Penganiayaan Wanita dalam Rumah tangga*, Undang-undang Wanita dan Kanak-kanak, Rohani Abdul Rahim (Diedit), Bandar Baru Bangi:Citra publishing Sdn. Bhd.
- (124) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Bahagian Permulaan, hal. 9
- (125) Seorang perempuan yang belum pernah bersetubuh samada sudah berkahwin atau tidak – EKIK 1983, *op.cit.*
- (126) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Bahagian Permulaan, hal. 9
- (127) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 5(1) (2)a, b(i)(ii)(iii)c, d, (3) (4)a, b (i) (ii) (iii).
- (128) Surah al-Baqarah:ayat 235
- (129) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 107
- (130) Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, Sek. 125
- (131) Mastautin mengikut pengertian seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syar’iyah Kelantan 1982 adalah tinggal tetap atau pada kelazimannya tinggal di tempat kediaman secara tetap dalam kawasan tertentu.
- (132) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 32
- (133) *Ibid.* Sek. 33
- (134) *Ibid.* Sek. 35 (1)
- (135) *Ibid.* Sek. 35 (2)
- (136) *Ibid.* Sek. 35 (3)
- (137) *Ibid.* Sek. 35 (10) (a), (b),(c), (d)
- (138) *Ibid.* Sek. 37 (1), (2)
- (139) *Ibid.* Sek. 36 (1), (2), (3)
- (140) Ahilemah Joned, (1988), “*Keupayaan dan Hak wanita Untuk Berkahwin: Indah Khabar dari Rupa*”, dalam Makalah Undang-undang Menghormati Ahmad Ibrahim, KL: DBP, hal.2
- (141) Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, Sek. 49,

- Enakmen Undang-undang Keluarga Pulau Pinang, Bil.. 2/1985, Sek. 52, Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Sek. 52, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan, 1983, Sek. 52, dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984, Sek, 52
- (142) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 41 (1)
- (143) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 45
- (144) (1983) J.H hal. 108
- (145) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Bahagian Permulaan, hal. 10
- (146) Al-Muti'i, Muhammad Najib, *Al-Majmu' Syarh al-Muhadhab*, Jeddah:Maktabah al-Irsyad, Jil. 15, hal. 265; Al-Nawawi, *Minhaj al-Talibin*, (t.t), Singapura, hal. 91-92
- (147) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 44
- (148) Penolong Pendaftar Mahkamah Syari'ah Kota Bharu pada 15 Ogos 1999 di pejabatnya.
- (149) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 44
- (150) Al-Tabiri, Muhammad Ibn. Jarir, *Jami'al-Bayan 'an Ta'wil ayat al-Quran*, Beirut, (t.t) Jil. 11 hal. 363
- (151) Sebagai contohnya lihat Ibn. Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Jil. 1, hal. 528; al-Tabari, *op.cit*, Jil. 11, hal. 364
- (152) (1983) J.H Jil. 3
- (153) Fail kes Mal No. 190 tahun 1998, *Mut'ah*, Mahkamah Kadi Jajahan Kota Bharu
- (154) Abdul Rahman Yusop, Hj. (1983), *Gollins Gem*, London, hal. 41
- (155) M.B Hooker (1976), *Personal law of Malaysia*, London Oxford University Press, hal. 77
- (156) Dalam kes *Hajah Lijah bt. Jamal V Fatimah Bt. Mat Diah* (1950) 16, M.L.J 63
- (157) Ahmad Ibrahim, *Family Law in Malaysia and Singapore*, M.L.J.P.T.E, 1978 hal. 236
- (158) Dalam kes *Robert V Ummi Kalthum* (1996) 1, M.L.J 163
- (159) Dalam kes *Piah bt. Said V Che Lah bin Awang* (1983) 2, J.H 220
- (160) Nadzim Hj. Abdul Rahman (1988), *Cara-cara Pengendalian Harta Sepencarian*

- di Mahkamah-Mahkamah dalam Buku Undang-Undang Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam Di Malaysia*, Petaling Jaya:al-Rahmaniah, hal. 87
- (161) (1950) 16, M.L.J 63
- (162) Dlm. Kes, *Boto' Bt Taha V Jaafar B. Muhammad*, (1985) 2 M.L.J. 98
- (163) (1973), 15, JMBRAS, Pt 1, 25
- (164) Dalam kes *Boto' Bt. Taha V Jaafar B. Muhammad*, (1985) 2 M.L.J.98
- (165) (1989) 3 M.L.J ix
- (166) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, Selangor 1952, Sek. 45 (3) (6) (4);
Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang, 1959, sek. 40 (3);
Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1963, Sek. 94; Enakmen
Pentadbiran Agama Islam Jihor 1978, Sek. 133 (3)
- (167) *Hajjah Lijah V Fatimah*, op.cit, 63
- (168) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 46 (1) (2) a,b,c
- (169) Enakmen Keluarga Islam Kedah 1984, Sek. 49 (1) (2) (3) (4) (5)
- (170) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, Sek. 58 (1) (2) (3)
(4) (5)
- (171) E.N Taylor (1937), Malay, Family Law, *Journal of The Royal Asiatic Society*,
hal. 41
- (172) (1989H) J.H. 6:2 hal. 332
- (173) (1404H) J.H. 4:2 hal. 225
- (174) Surah al-Hadid: ayat 7
- (175) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 48 (1)
- (176) (1984) J.H. 73
- (177) (1987) J.H.364
- (178) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 69 (1)
- (179) *Ibid.* Sek. 69 (2)
- (180) *Ibid.* Sek. 58 (1)
- (181) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 53 (1)
- (182) *Ibid.* Sek. 39 (1) (a)
- (183) *Ibid.* Sek. 39 (1) (b)

- (184) *Ibid.* Sek. 35 (3)
- (185) *Ibid.* Sek. 35 (4) (b)
- (186) *Ibid.* Sek. 112
- (187) *Ibid.* Sek. 59 (1)
- (188) *Ibid.* Sek. 60 (1)
- (189) *Ibid.* Sek. 66
- (190) *Ibid.*
- (191) Fail kes Mal Bo. 195 tahun 1997, *Nafkah Anak*, Mahkamah Syariah Kota Bharu
- (192) Lihat Enakmen Kelantan 1, 1983, Sek. 49, Akta Wilayah Persekutuan 1984, Sek. 61, dan lain-lain.
- (193) Lihat misalnya kes-kes seperti *Wan Abdul Hamid lawan Maimunah* (1980), JH (3)108, *Wantam lawan Ismail* (1991) 8JH (1)55
- (194) Lihat kes *Fatimah lawan Syeikh Mohamed* (1980) JH (1)39
- (195) Lihat Enakmen Kelantan 1, 1983, Sek. 60, Akta Wilayah Persekutuan 1984, Sek. 77, Enakmen Pulau Pinang 2, 1985, Sek. 77 dan lain-lain. Lihat kes-kes berkaitan misalnya kes *Zahrah lawan Idris* (1984) 5JH(1) hal. 222, dan lain-lain
- (196) Peruntukan nafkah sementara untuk isteri dan anak-anak boleh dilihat di dalam Enakmen Kelantan. Sementara negeri-negeri lain hanya memperuntukkan nafkah sementara untuk isteri sahaja. Lihat Enakmen Kelantan 1983, Sek. (69)(1)(2)
- (197) Sebenarnya Perkara 76A (1) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen untuk memperluas pemakaian undang-undang tersebut di negeri-negeri. Lihat kes-kes yang berkaitan, seperti *Hayati bt. Othman lawan Ayob bin Zainal* (1991) 8JH(1), 166
- (198) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 102
- (199) *Ibid.* Sek. 61, Akta Wilayah Persekutuan 1984, Sek. 74(1)(2), Enakmen Kedah, 1979 1984, Sek. 62 dan lain-lain.
- (200) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 59 (2)
- (201) *Ibid.* Sek. 70 (1)
- (202) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984, Sek. 81 (1)
- (203) Enakmen Keluarga Islam Kedah, 1984, Sek. 69 (1)

- + (204) *Ibid.*
- (205) *Ibid.*
- (206) *Ibid.*
- (207) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek 70 (2); Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Wilayah Persekutuan, 1984, Sek. 81 (2); Enakmen Keluarga Islam Kedah, 1984, Sek. 69 (2)
- (208) *Ibid*; Kelantan, Sek. 70 (2); Wilayah Persekutuan, Sek. 81 (4); Kedah, Sek. 69 (3)
- (209) *Ibid*; Kelantan, Sek. 70 (2); Wilayah Persekutuan, Sek. 81 (3)
- (210) *Ibid*; Kelantan, Sek. 72; Wilayah Persekutuan, Sek. 72; Kedah, Sek. 72
- (211) *Ibid*; Kelantan, Sek. 72; Wilayah Persekutuan, Sek. 72; Kedah, Sek. 71
- (212) *Ibid*; Kelantan, Sek. 73 (1); Wilayah Persekutuan, Sek. 84 (1)
- (213) *Ibid*; Kelantan, Sek. 73 (2); Wilayah Persekutuan, Sek. 84 (2); Kedah, Sek. 72 (2)
- (214) *Ibid*; Kelantan, Sek. 75 (1); Wilayah Persekutuan, Sek. 86 (1); Kedah, Sek. 74
- (215) *Ibid*; Kelantan, Sek. 75 (2); Wilayah Persekutuan, Sek. 86 (2); Kedah, Sek. 74 (2)
- (216) *Ibid*; Kelantan, Sek. 75(3); Wilayah Persekutuan, Sek. 81 (3); Kedah, Sek. 74 (3)
- (217) *Ibid*; Kelantan, Sek. 75 (4); Wilayah Persekutuan, Sek. 86 (4); Kedah, Sek. 74 (4)
- (218) *Ibid*; Kelantan, Sek. 76 (1); Wilayah Persekutuan, Sek. 87 (1); Kedah, Sek. 75 (1)
- (219) *Ibid*; Kelantan, Sek. 76 (2); Wilayah Persekutuan, Sek. 87 (4); Kedah, Sek. 75 (2)
- (220) *Ibid*; Kelantan, Sek. 74; Wilayah Persekutuan, Sek. 85; Kedah, Sek. 73
- (221) *Ibid*; Kelantan, Sek. 92 (1); Wilayah Persekutuan, Sek. 013 (1); Kedah, Sek. 92 (1)
- (222) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam, Selangor, 1952, Sek. 45 (3) (iii)

- + (223) Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam, Perak 1965, Sek. 43 (4) (iii)
- (224) Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam, Pulau Pinang 1960, Sek. 40 (2) (iii)
- (225) Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam, Perlis, 1963, Sek. 11 (4) (iii)
- (226) Enakmen Pentadbiran Hukum Islam, Melaka, 1959, Sek. 40 (3) (iii)
- (227) Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Negeri Sembilan, 1960, Sek. 41 (3) (iv)
- (228) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 1983, Sek. 43 (4) (iii)
- (229) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam, Johor, 1978, Sek. 137 (1) (2)
- (230) *Zaliha Bt. Zakaria V Rahmat*, 1987 2 J.H, hal. 316
- (231) (1971) 1 M.L.J. 265
- (232) Ahmad 'Isa 'Asyur (1978), *al-Fiqh al-Muyassar fi al-Ibadat wa al- Mu'amalat*, Qahirah; Maktabah al-I'tisam, hal. 332
- (233) Wahbah al-Zuhaily, Dr., *op. cit*, Jil. 7, hal. 352
- (234) *Zahrah Bt. Omar V Saidon Bin Itam*, (1983) 2 J.H, hal. 352
- (235) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, Sek. 106